# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN SAYED MILAM BIN SAYED HASHIM
MANTAN PENOLONG KANAN PENGUASA, SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH (SPRM)

OLEH:

ABDUL QHONI BIN MOHD OMAR 2013134405
SAYED MUHAMMAD HARRIDHI BIN SAYED MILAM 2013510721

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# TUAN SAYED MILAM BIN SAYED HASHIM
# MANTAN PENOLONG KANAN PENGUASA, SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH (SPRM)

OLEH:


| | |
|---|---|
| ABDUL QHONI BIN MOHD OMAR | 2013134405 |
| SAYED MUHAMMAD HARRIDHI BIN SAYED MILAM | 2013510721 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

# PENGHARGAAN

*Assalamua'laikum. Terlebih dahulu kami ingin meluahkan rasa syukur kami kehadrat Allah, tuhan semesta alam kerana dengan limpah dan kurnianya, akhirnya kami berjaya menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan cukup sempurna. Kalau bukan kerana izinNya, tiadalah kami mampu untuk menyiapkan project yang cukup bermakna ini. Ketika kami ingin menyiapkan kerja ini, berbagai-bagai rintangan dan masalah yang kami harus lalui. Namun, berkat usaha dan tawakal kami kepadaNya, akhirnya segala rintangan tersebut berjaya kami atasi dengan baik.*

*Ribuan terima kasih kepada pensyarah subjek IMR604 – Oral Documentation (Pendokumentasian Lisan) iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana telah bertungkus-lumus dalam mencurahkan segala ilmu yang dimiliki bagi memastikan Projek Sejarah Lisan kami ini berjaya disiapkan dengan sebaik mungkin.*

*Seterusnya, sudah tentu tidak akan kami lupakan jasa dan budi baik Tuan Sayed Milam Bin Sayed Hashim kerana telah bersetuju untuk memberikan kerjasama kepada kami walaupun beliau pada mulanyaagak keberatan untuk dijadikan Tokoh pilihan kami bagi tugasan kami yang penuh mencabar ini, disebabkan hal-hal tertentu..*

*Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada ibubapa kami yang sentiasa mendoakan kejayaan kami dan juga kepada rakan-rakan kami yang secara langsung atau tidak langsung menyumbangkan hikmat nasihat dan tunjuk ajar dalam usaha kami untuk menyiapkan Project Sejarah Lisan yang amat bermakna bagi kami ini.*

*Sekian, Alhamdulillah.*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | i |
| Isi Kandungan | ii |
| Abstrak | iii |
| Biodata Tokoh | iv |
| Pengenalan | v - vi |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Latar Belakang | 1 - 7 |
| Bahagian 2: Sejarah Pendidikan | 7 - 10 |
| Bahagian 3: Sejarah Kerjaya | 10 - 20 |
| Bahagian 4: Pengalaman & Kenangan | 20 - 21 |
| Bahagian 5: Pencapaian & Kejayaan | 21 - 22 |
| Bahagian 6: Sumbangan | 22 - 25 |
| Bahagian 7: Pendapat | 25- 29 |
| Bahagian 8: Disiplin & Tanggungjawab | 29 - 32 |
| Bahagian 9: Harapan Masa Depan | 32 - 34 |
| Rujukan | |
| Lampiran | |
| Log Wawancara | 33 - 34 |
| Diari Kajian | 35 |
| Senarai soalan | 36 - 43 |
| Gambar | 44 |
| Sijil penghargaan | 45 |
| Surat Perjanjian | 46 |
| Indeks | 48 |

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Transkrip Temubual Bersama Tuan Sayed Milam Bin Sayed Hashim Mengenai Sejarah Perjalanan Beliau Dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).**

**ABSTRAK;** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Sayed Milam Bin Sayed Hashim mengenai sejarah penglibatan beliau dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) atau Badan Pencegah Rasuah (BPR) selama 31 tahun. Temubual tersebut dijalankan di rumah beliau iaitu di Taman Sri Beruas, Kuala Terengganu pada 6 Jun 2015 dan berakhir pada jam 5.33 petang. Beliau merupakan Penolong Pegawai Penguasa SPRM dan berperanan sebagai Ketua Unit Risik. Pada tahun 2006, beliau dianugerahi Darjah Ahli Mangku Negara (AMN). Beliau menceritakan mengenai procedure yang digunakan oleh SPRM bagi menyelesaikan jenayah rasuah dan juga mengenai sumbangan beliau sebagai anggota SPRM serta bagaimana corak kehidupan seorang penyisat SPRM. Beliau turut menceritakan mengenai latar belakang, pendidikan, pengalaman, pendapat dan nasihat serta harapan beliau kepada SPRM di masa yang akan datang.*

***Kata kunci:*** *Sayed Milam Bin Sayed Hashim, SPRM, BPR, penyiasat, AMN.*

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | | |
|---|---|---|
| **Nama** | : | Sayed Milam Bin Sayed Hashim |
| **Umur** | : | 59 Tahun |
| **Tarikh Lahir** | : | 1955 |
| **Tempat Lahir** | : | Kuala Terengganu |
| **Pekerjaan** | : | Mantan Penolong Kanan Penguasa, SPRM |
| **Status** | : | Berkahwin |
| **Isteri** | : | |
| **Anak** | : | 3 Lelaki |
| | | 4 Perempuan |
| **Alamat** | : | |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Wawancara bersama Tuan Sayed Milam Bin Sayed Hashim ini telah dilakukan pada 7 Jun 2015 di rumah beliau iaitu Taman Sri Beruas, Kuala Terengganuselama 1 jam 12 minit dan 55 saat. Wawancara ini adalah bertujuan untuk mencatat sejarah kehidupan beliau sebagai anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) yang penuh berpengaruh serta telah banyak menabur bakti kepada Negara kita berkaitan dengan isu-isu rasuah.

Sayed Milam Bin Sayed Hashim atau lebih dikenali dikalangan anggota-anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) sebagai Tuan Sayed. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1955 di Kampung Kuala Ibai, Kuala Terengganu. Beliau telah berkahwin dengan pada tahun 1982 dan dikurniakan 7 orang cahaya mata. Beliau merupakan anak yang paling tua dikalangan 6 orang adik-beradik yang bersamaan ibu dan bapa.

Beliau memulakan pendidikan rasminya di Sekolah Kebangsaaan Pusat Kuala Ibai, Kuala Terengganu dan seterusnya bersekolah di Sekolah Menengah Padang Midin. Hasil dari kerja kerasnya dalam menimba ilmu, beliau berjaya meneruskan pelajarannya di Sekolah Berasrama Penuh Sekolah Alam Shah iaitu sekolah yang telah berjaya menghasilkan ramai generasi bijak pandai seperti doktor dan pensyarah. Akhirnya, beliau berjaya bergelar sebagai seorang mahasiswa universiti apabila berjayaterpilih untuk menuntut di Universiti Pertanian Malaysia bagi kursus Ijazah Sains Perniagaan Tani.

Di awal waktu kerjaya beliau bermula, beliau pernah menjadi pembanci RISDA selama dua bulan sementara menunggu pekerjaan yang lebih baik untuknya. Tidak lama kemudian, beliau berjaya dalam satu temuduga di Biro Siasatan Negara, Sebagai Penolong Pegawai Siasatan. Setelah berpuluh-puluh tahun bekerja sebagai seorang penyiasat rasuah, beliau akhirnya berjaya di naikkan pangkat satu demi satu sehingga dapat menyandang jawatan sebagai Penolong Kanan Penguasa SPRM.

Setelah berkhidmat selama 27 tahun sebagai anggota SPRM, beliau telah dianugerahkan Darjah Ahli Mangku Negara(A.M.N.) pada tahun 2006. Seterusnya, pada tahun 2009 iaitu setelah 31 tahun bergiat aktif dalam karier mencabar beliau itu, beliau telah mengambil keputusan untuk bersara demi memastikan kehidupan yang lebih baik di waktu tuanya.

Sepanjang hayat beliau, pelbagai jenis sumbangan telah beliau sumbangkan, termasuklah mempertahankan pemimpin-pemimpin mulia tanah air dengan menasihati segelintir orang ramai dalam memahami bagaimanakah caranya seseorang itu boleh didapati bersalah atas tuduhan menerima atau memberi rasuah. Ini, sedikit-sebanyak mampu membantu Negara kita agar bebas bersih dari najis rasuah yang sebagaimana kita tahu mampu memusnahkan sesebuah Negara.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

**Berikut adalah merupakan rakaman temubual sejarah lisan yang telah dilakukan oleh Sayed Muhammad Harridhi Bin Sayed Milam dan Abdul Qhoni bersama Tuan Sayed Milam Bin Sayed Hashim berkenaan dengan sejarah beliau dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) atau nama lama sebelum SPRM iaitu Badan Pencegah Rasuah (BPR). Temubual ini telah dilaksanakan di rumah beliau iaitu di Taman Sri Beruas, Kuala Terengganu pada tarikh 7 haribulan Jun dua ribu lima belas dan tamat rakaman pada jam lima tiga puluh tiga petang.**

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

**Harridhi : Assalamua'laikum Tuan Sayed.**

Sayed Milam : Waa'laikumussalam.

**Harridhi :Soalan pertama saya, untuk Tuan Sayed berkenaan dengan latar belakang Tuan Sayed Milam. Bolehkah Tuan nyatakan nama penuh Tuan Sayed seperti di seperti di dalam kad pengenalan?**

Sayed Milam : Waa'laikumussalam. Nama saya dalam kad pengenalan. Nama saya yang nama penuh Sayed Milam Bin Sayed Hashim . Itu nama penuh saya.

**Harridhi : Ohh [begitu]. Soalan seterusnnya, apakah nama gelaran Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Nama gelaran saya? Biasanya orang panggil Sayed Milam sahaja.

**Harridhi : Ohh [begitu]. kira orang panggil Tuan, Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Tuan Sayed tu kalau orang yang kurang biasa la. Bagi orang yang biasa Sayed Milam.

**Harridhi : Ohh begitu. Okay berapakah umur Tuan Sayed sekarang?**

Sayed Milam : Sekarang ni umur saya dah hampir 60 *series* [lingkungan]. 59 tahun.

**Harridhi : Bilakah tarikh lahir Tuan Sayed?**

Sayed Milam : 1955 (sambil berfikir).

**Harridhi** : **Jadi dimanakah Tuan Sayed dilahirkan?**

Sayed Milam : Saya dilahirkan di Kampung Kuala Ibai, Kuala Terengganu. Ya, Kuala Ibai.

**Harridhi** : **Okay seterusnya, dimanakah Tuan Sayed dibesarkan?**

Sayed Milam : Saya dibesarkan di Kuala Ibai dari darjah dari sejak lahir sehingga darjah lima. Di awal darjah lima, saya mengikut bapak saya ke bertukar ke Teluk Anson, Teluk Intan (sambil berfikir). Teluk Anson, Perak masa tu Teluk Anson dan tinggal disana selama satu tahun. Semasa saya darjah enam, balik semula ke Kuala Ibai, Kuala Terengganu.

**Harridhi** : **Ohh, gitu [begitu].**

Sayed Milam : Iaitu masa umur saya 12 (sambil berfikir) 11 tahun.

**Harridhi** : **Bolehkah saya tahu nama bapa Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Bapa saya Sayed Hashim Bin Sayed Hussien.

**Harridhi** : **Jadi datuk Tuan Sayed, Sayed hussien?**

Sayed Milam : Ye, Sayed hussin Ghulam Al-Bukhari.

**Harridhi** : **Okay, seterusnya bolehkah saya tahu nama ibu Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Nama ibu saya Ngah BintiIsmail

**Harridhi** : **Apakah pekerjaan bapa Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Bapa saye bekerja sebagai, bekerja di Jabatan Laut (sambil berfikir). Jabatan Shahbandar, Kuala Terengganu.

**Harridhi** : **Apakah pekerjaaan ibu Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Ibu saya hanya suri rumah.

**Harridhi** : **Oh macam tu. Soalan seterusnya, bolehkah Tuan Sayed beritahu alamat rumah yang Tuan Sayed menetap sekarang?**

Sayed Milam : Saya menetap di numbor 2270, Taman Sri Beruas, Wakaf Beruas, Kuala Terengganu.

| | |
|---|---|
| **Harridhi** | **: Bolehkah Tuan Sayed ceritakan mengenai latar belakang keluarga tuan?** |
| Sayed Milam | : Keluarga saya, keluarga saya, saya mempunyai seorang isteri bernama Suriani binti Din, dan dikurniakan dengan 7 orang anak. 4 perempuan dan 3 lelaki. Dan 3 orang daripada anak saya telah pon berumah tangga, yang masih menuntut3 orang (sambil berfikir). Yang sorang tu masih sedang mencari pekerjaan. |
| **Harridhi** | **: Ohh [begitu]. Boleh saya tahu Sayed tu keturunaan dari apa? Darimana? Asal usul keturunan Sayed?** |
| Sayed Milam | : Keturunan Sayed ni adalah dia panggil Ahli Bait [Ahlul Bait]. Keturunan-keturunan Rasulullah. Biasanya melalui Saidina Hasan dan Hussin. Dan saya ni daripada sebelah Saidina Hussin, mengikut salah silah yg saya adalah. |
| **Harridhi** | **: Jadi Tuan Sayed ni, Sayed ni kira [adalah] Ahlul Bait ek [la]?** |
| Sayed Milam | : Begitulah lebih kurang. |
| **Harridhi** | **: Ohh , ahhh (kagum) hebat jugak!** |
| Sayed Milam | : Dah. Tu dah, takdir macam tu. |
| **Harridhi** | **: Okay, Tuan Sayed. Jadi berapakah bilangan adik-beradik Tuan Sayed?** |
| Sayed Milam | : Saya adik beradik saya dua campur lima, sebelas (sambil mengira). Sebelas orang melalui yang satu mak. Satu mak dan satu ayah 6 orang. Yang berlainan bapa 3 orang. Yang berlainan ibu dua orang jadi 11 orang semuanya. |
| **Harridhi** | **: Adakah Tuan Sayed anak sulung dalam keluarga?** |
| Sayed Milam | : Yang dari segi dari mak dan bapak yang sama (sambil berfikir), saya yang sulunglah. |
| **Harridhi** | **: Kira besar jugak aa [la] tanggungjwab tuan Sayed ni?** |
| Sayed Milam | : Begitulah lebih kurang. |

**Harridhi** **: Jadi seterusnya, bilakah Tuan Sayed berkahwin?**

Sayed Milam : Saya berkahwin dalam tahun 1982.

**Harridhi** **: Ohh [begitu], agak lama jugak aa [la].**

Sayed Milam : Yelah.

**Harridhi** **: Ketika itu, berapa umur Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Umur saya masa tu dalam dua puluh enam tahun.

**Harridhi** **: Ohh [begitu]. Jadi siapakah nama isteri Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Isteri saya bernama Suriani Binti Din. Kelahiran Dungun, Terengganu.

**Harridhi** **: Kira dua-dua [keduanya] orang Terengganu aa [lah]?**

Sayed Milam : Ya, Terengganu.

**Harridhi** **: Jadi seterusnya, berapakah bilangan isteri Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Sama, satu sahaja. Masih dengan Suriani.

**Harridhi** **: Tuan Sayed belumada berniat untuk mencari yang lain?**

Sayed Milam : Saya ingat, saya sendiri umur saya dah lanjut dah sudah tidak sesuai lagi untuk berkahwin.

**Harridhi** **: Ohh [begitu]. Okay, seterusnya jadi apakah pekerjaan isteri Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Isteri saya (sambil berfikir), juga seorang suri rumah jugak.

**Harridhi** **: Kira tak bekerja aa [la]?**

Sayed Milam :Tak, tak bekerja. Duduk rumah.

**Harridhi** **: Jadi boleh saya tahu apakah status pekahwinan Tuan Sayed sekarang?**

Sayed Milam : Masih sebagai isteri, suami isteri.

**Harridhi** **: Tahniah. Okay, seterusnya berapakah bilangan anak lelaki tuan?**

Sayed Milam : Anak lelaki saya 3 orang.

**Harridhi** **: 3 orang. Boleh saya tahu nama?**

Sayed Milam : Yang pertama, Sayed Ubudiyah Bin Sayed Milam. Yang kedua, Sayed Junaidi Bin Sayed Milam, dan yang ketiga anak lelaki saya, Sayed Muhammad Harridhi Bin Sayed Milam.

**Harridhi** **: Okay seterusnya, bagaimana pula dengan bilangan anak perempuan Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Anak perempuan saya 4 orang. Yang pertama yang sulung, Syarifah Khairunnisa Binti Sayed Milam. Yang kedua perempuan, Sharifah Khairundalila. Yang ketiga, Syarifah Khairun Nurnatiqah dan yang keempat, Sharifah Khairun Nurnadhirah Binti Sayed Milam.

**Harridhi** **: Jadi, tujuh orang semuanya?**

Sayed Milam : Ya, 7 orang.

**Harridhi** **: Oo, okay. Seterunya, bolehkah Tuan Sayed ceritakan secara ringkas mengenai anak-anak tuan, pekerjaan diorang?**

Sayed Milam : Mengenai anak-anak saya, anak sulung saya, Syarifah Khairunnisa, dia bekerja sebagai seorang kerani di Jabatan Perkhidmatan Jalan, JPJ di Putrajaya. Yang kedua, anak saya yang kedua, Sayed Ubudiyah (sambil berfikir) berkerja sebagai anggota polis di bandar Kuala Terengganu. Dan yang ketiga anak lelaki saya, Sayed Junaidi, seorang *engineer* [jurutera] di Kuala lumpur, dan yang ketiga, anak lelaki yang keempat yang, anak lelaki yang ketiga tapi dia tu yang kelima la (sambil berfikir), Sayed Muhammad Haridhi masih menuntut di Machang. Ijazah Teknologi Maklumat kalau tak silap saya dan yang anak perempuan saya ada seorang lagi kakak kepada Sayed Muhammad Haridhi sedang membuat Ijazah juga di Puncak Alam, Uitm Puncak Alam. Kursus Teknologi Pemakanan (tersilap), Teknologi Makmal.

**Harridhi** **: Kira, boleh dikatakan berjaya jugak aa [ya] ada yang *engineer*[jurutera] tu semua aa [ya] tuan?**

Sayed Milam : Alhamdullilah, insyallah.

| | |
|---|---|
| **Harridhi** | **: Okay, alhamdulillah. Seterusnya, adakah Tuan Sayed mempunyai keluarga angkat?** |
| Sayed Milam | : Keluarga angkat yang betul-betul angkat tak ada (sambil berfikir). |
| **Harridhi** | **: Okay, seterusnya. Adakah Tuan mempunyai anak angkat?** |
| Sayed Milam | : Tidak ada. |
| **Harridhi** | **: Tidak ada, okay. Apakah hobi Tuan Sayed pada masa lapang?** |
| Sayed Milam | : Masa. masa lapang saya, saya suka membaca bukulah banyak sebab banyak masa saya perlu membaca. Lepas tu membawa anak-anak ke pantai ke tempat-tempat permainan-permainan. Ade yang sorang yang kecik tu yang darjah empat. |
| **Harridhi** | **: Oo [begitu], kira hobi Tuan Sayed lebih kepada---** |
| Sayed Milam | : Kekeluargaan la. |
| **Harridhi** | **: Kekeluargaan aa [la] dan ulat buku jugak aa [la] Tuan Sayed ea [ya].** |
| Sayed Milam | : Begitu aa [la]. |
| **Harridhi** | **: Okay, seterusnya, apakah makanan kegemaran Tuan Sayed?** |
| Sayed Milam | : Makanan kegemaran saya (sambil berfikir)? Makanan ni saya sensitif sikit ni tapi kegemaran saya ni. Makan, maksud tuan makanan lauk-lauk nasi macam tu? |
| **Harridhi** | **: Ohh [ya], macamtu .** |
| Sayed Milam | : Ohh [begitu], saya suka singgangje yang basic, suka singgan dengan ikan goring. Aa [baru teringat], dengan ada apa budu ke sikit kalau orang Terengganu niaa [la] suka budu. Saya suka budu. |
| **Harridhi** | **: Kira*simple* [mudah] jugak aa [la] Tuan Sayed ni an [kan]?** |
| Sayed Milam | : Pasal masakan saya tak, tak berapa cerewet. |

**Harridhi** : **Ohh [begitu], Alhamdulliah aa [la]. Okay seterusnya, apakah minuman kesukaan Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Minuman kesukaan saya, air kelapa muda.

**Harridhi** : **Oo [begitu], kelapa.**

Sayed Milam : Saya tanam kelapa muda, saya tanam pokok kelapa di sebelah rumah tu *just* [hanya] untuk ambik buah kelapa muda ee [je].

**Harridhi** : **Oo [begitu], kira banyak jugak aa [la] kelapa---**

Sayed Milam : Tak, ada tiga pokok je tapi banyak lebat buahnya.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**Harridhi** : **Ohh [begitu], okay. Seterusnya, kita masuk ke soalan berkenaan dengan sejarah pendidikan Tuan Sayed. Okay, soalan pertama. Di manakah Tuan Sayed bersekolah dahulu? Sekolah rendah hingga sekolah menengah?**

Sayed Milam : Saya memula, mula bersekolah di Sekolah Kebangsaaan Pusat Kuala Ibai, Kuala Terengganu. Kalau tak silap saya dalam tahun 6, 1968. Darjah 2, 3, sehingga darjah 4 di Kuala Terengganu. Untuk darjah 6 (tersilap),darjah 5, saya mengikut bapak saya bertukar ke Teluk Anson, Perak. Dan bersekolah disana selama 1 tahun darjah lima. Manakala, apabila darjah 6 balik, bapak saya bertukar balik ke Kuala Terengganu dan bersekolah di sekolah yang sama jugak, Sekolah Kebangsaan Pusat Kuala Ibai darjah 6. Selepas darjah 6, tingkatan 1, saya bersekolah di Sekolah Menengah Padang Midin, Kuala Terengganu. Jadi, saya untuk bulan yang pertama dan kedua, saya berulang dari rumah ke sekolah dengan menaiki basikal. Lebih kurang dalam saya ingat dalam 5 batu atau pun 6 batu (sambil berfikir) daripada rumah saya. Selepas dua bulan berulang dengan basikal, saya memohon untuk tinggal di asrama. Jadi, untuk bulan yang ketiga, saya tinggal di asrama Sekolah Menengah Padang Midin sehinggalah tingkatan tiga.

**Harridhi** : **Begitu aa [ya].**

Sayed Milam : mahu teruskan lagi?

**Harridhi** : **Boleh, boleh teruskan kalau boleh-**

Sayed Milam : Sampai tingkat 3 (sambil berfikir), saya mengambil menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), dan keputusannya agak Alhamdulillah baik jadi saya telah dipilih untuk melanjutkan ke tingkatan empat di sekolah asrama penuh Sekolah Alam Shah, Sekolah Menengah Alam Shah Kuala Lumpur. Jadi pada tahun 1971, saya telah bersekolah di Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur sehingga tingkatan 6 atas, tahun 1974. Jadi maknanya, saya mengambil SPM, Sijil Pelajar Malaysia saya di Alam Shah dan seterusnya Sijil Tinggi Persekolahan (STP) di Sekolah Menengah Alam Shah. Aa (berfikir), 74 lepas tu, saya dapat peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) waktu itu. Sekarang saya ingat universiti Putra kan?

**Harridhi** : **Ohh [begitu], Putra---**

Sayed Milam : Dulu Universiti Pertanian. Saya mengambil kursus Ijazah Sains Perniagaan Tani. Saya mengambil kursus ini selama 2 tahun dan pada tahun yang ke-2 tu saya dapati, mutu saya punya pelan pembelajaran tu merosot (sambil berfikir) kerana yang saya. Kerana ada masalah-masalah bahasa (sambil berfikir). Satu masalah bahasa, kedua masalah istilah daripada sebab saya, saya, masa tingkatan 6, saya *artstream* [], jurusan sastera, ekonomi. Tiba di universitt Pertanian untuk tahun 1 dan tahun 2, subjek-subjek yang diajar adalah subjek sains dan dalam bahasa inggeris (smbil berfikir). Jadi, masalah bahasa satu. Yang kedua, masalah istilah sains. Jadi akibat daripada dua keadaan ini, mutu apa ni pendidikan saya (sambil berfikir), markah kredit point saya tu rendah. Jadi. Saya piker [fikir], kalau saya teruskan juga saya tidak dapat *cover* [menutupi] untuk mendapat ijazah. Dan masa inilah saya cuba *apply* [memohon] apa2 kerja dan telah berjaya untuk mendapat kerja di Badan Pencegah Rasuah, Malaysia (sambil berfikir).

| | |
|---|---|
| **Harridhi** | **: Ohh [begitu]. Kira agak berjaya jugak aa [la] Tuan Sayed ni?** |
| Sayed Milam | : Jadi saya tak dapat menamatkan ijazah saya . |
| **Harridhi** | **: Tapi pada zaman tu dah kira baik an [kan]?** |
| Sayed Milam | : Pada zaman tu kira, ialah boleh katakan ok [baik] lah. |
| **Harridhi** | **: Okay. Alhamdulillah Tuan Sayed.** |
| Sayed Milam | : Survival kan? |
| **Harridhi** | **: Okay jadi, apakah peranan Tuan Sayed ketika di waktu persekolahan?** |
| Sayed Milam | : Di waktu persekolahan, saya aktif dalam sukan. Dan sukan yang saya minat ialah sukan hoki. Saya mewakili hoki sekolah (sambil berfikir), pasukan hoki sekolah daripada sekolah rendah sehinggalah sekolah menengah dan juga di peringkat Universiti Pertanian. Sehinggalah saya tercedera apa, tercedera di lutut saya. |
| **Harridhi** | **: Ohh [begitu]. Jadi bagaimana dengan lutut Tuan Sayed sekarang?** |
| Sayed Milam | : Lutut saya sekarang cuma boleh berjalan, boleh berlari, tetapi tidak boleh untuk lasak bermain hoki, tidak boleh. |
| **Harridhi** | **: Ohh [begitu[. Sabar Tuan Sayed eh [ya].** |
| Sayed Milam | : Insyaallah. |
| **Harridhi** | **: Jadi dalam bidang apakah Tuan Sayed suka untuk belajar?** |
| Sayed Milam | : Yang sebenarnya, saya suka mata pelajaran sastera dan ekonomi (sambil berfikir). |
| **Harridhi** | **: Tapi Tuan Sayed ambik [ambil] bahagian sains eh [ya]?** |
| Sayed Milam | : Dia masa tu, kursus Sains Perniagaan Tani. Dia digabung sains dengan akaun (sambil berfikir). Jadi memandangkan masa *result* [keputusan] keputusan SPM saya tu agaknyalah, keputusan sijil pelajaran saya tu tinggi. Ada matematik dgn sains |

tu ada tinggi sikit. Lepas tu, masa pemilihan peringkat UPU, Unit Pusat Universtiti , saya disalurkan ke kursus itu. Jadi saya pun terpaksalah masuk kursus tu..

**Harridhi** : **Ohhh [begitu]---**

Sayed Milam : Berbanding ngan [dengan] kawan-kawan saya banyak pergi UM masatu, Universiti Malaya.

**Harridhi** : **Begitu ee [ya].**

Sayed Milam : Saya terima jelah.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: SEJARAH KERJAYA**

**Harridhi** : **Ok, Tuan Sayed, seterusnya berkaitan dengan sejarah kerjaya Tuan Sayed? Soalan pertama, apakah pekerjaan awal Tuan Sayed setelah tamat pengajian?**

Sayed Milam : Selepas tamat pengajian tahun dua, dua tahun di Universtiti Pertanian, saya balik ke kampung. Saya mula berkerja sebagai pembanci RISDA. Selama 2 bulan, iaitu membanci *quota* [kuota] apa ni, membanci bilangan-bilangan pekebun-pekebun kecil getah (sambil berfikir), RISDA yang begitulah lebih kurang.

**Harridhi** : **Oo [begitu], begitu pekerjaan awal Tuan Sayed. Ok, seterusnya ?**

Sayed Milam : Seterusnya saya, dapat temuduga untuk menjawat jawatan di BPR di Badan Pencegah Rasuah. Waktu itu dipanggil Biro Siasatan Negara sebagai penolong pegawai siasatan. Dan temuduga berkenaan telah berjaya dan saya ditawarkan dengan pekerjaan di Biro Siasatan Negara sebagai penolong pegawai siasatan.

**Harridhi** : **Berkenaan dengan pekerjaan pertama Tuan Sayed banci?**

Sayed Milam : Yeye [ya], banci.

**Harridhi** : **Mengapa Tuan Sayed berminat untuk menceburi bidang tersebut sebagai pekerjaan awal Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Pada masa tuu,saya tak silap tahun 1978 awal [berfikir], pihak RISDA, Jabatan RISDA memerlukan pembanci-pembanci sementara untuk menjalankan kerja-kerja banci disekitar Marang, Terengganu. Jadi saya, saya merebutlah peluang ni untuk, untuk belajar bekerja ataupon berdikarikan.

**Harridhi** : **Tuan Sayed tokoh dalam SPRM eh [ya]? Dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Jadi boleh saya tahu, boleh Tuan Sayed terangkan mengenai SPRM itu, apa itu SPRM?**

Sayed Milam : SPRM. Pada peringkat awalnya, SPRM ni dipanggil sebagai badan, sebagai biro dia Biro Siasatan Negara. Pada tahun 70, 1978 saya mula kerja, masa tu BPRni dipanggil sebagai Biro Siasatan Negara (sambil berfikir). Lepastu, daripada tahun 1982 kalau tak silap, Biro Siasatan Negara telah ditukar balik kepada Badan Pencegah Rasuah. Sehinggalah pada tahun seribu (tersilap), 2009, Badan Pencegah Rasuah ditukar kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia(SPRM) dan hingga kini dipanggil SPRM lah.

**Harridhi** : **Dia, peranan SPRM ni?**

Sayed Milam : Peranan SPRM ni adalah untuk mencegah rasuah. Kita ambik [ambil] daripada tajuk nama jabatan asal Badan Pencegah Rasuah. Dia kegiatan dia dari sudutpencegahan. Pencegahan ni daripada berbagai [pelbagai] sudut iaitu supaya jenayah rasuah ini tidak berkembang (sambil berfikir). Jadi di wujudkanlah cara-cara tertentu untuk membendung kegiatan rasuah di Malaysia (sambil berfikir).

**Harridhi** : **Ohh kira SPRM ni berperanan untuk mencegah rasuah di Malaysia ini ee [ya]. Okay, seterusnya. Mengapakah Tuan Sayed memilih kerjaya sebagai penyiasat SPRM?**

Sayed Milam : Di dalam SPRM ni, penyiasatan adalah, maksud saya penyiasat, penyiasat tu adalah satu pangkat dalam, dalam, di kalangan pegawai-pegawai SPRM. Sebab dia bermula daripada

penyisat, penyiasat biasanya daripada yang dulu la daripada kelulusan SPM mintak dapat kerja di dalam pencegah rasuah sebagai penyiasat. Dan *senior* [lebih tua] daripada penyiasat tadi, dia ada penolong penguasa. Atas daripada penolong penguasa, penolong penguasa ni diploma ke atas. Yang *degree* [ijazah], yang berkelulusan Ijazah dipanggil penguasa. Jadi penyiasat, penolong penguasa, penguasa. Jadi masing-masing tiga kategori ni adalah induk dalam BPR. Masing-masing ada dia punya kategori dialah. Gred-gred 17 sehingga kalau tak silap saya 7 sehingga (sambil berfikir), saya dah lupa, tapi maknanya sebagai ringkasnya, kumpulan C, kumpulan B, dan kumpulan A, aa [la]. Begitu.

**Harridhi** **: Jadi Tuan Sayed punya apa---**

Sayed Milam : Jawatan saya?

**Harridhi** **: Aa [ya], jawatan Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Jawatan saya kira pertengahanlah. Sebab saya mula masuk uu [tu] dengan sijil STP, Sijil Tinggi Persekolahan pada tahun 197 (sambil berfikir), 1978. Lepas tu dalam tahun kalau tak silap saya dalam tahun 1982, ataupun 83 (tersilap). *No, no* [tidak] dalam tahun 1981 saya ingat atau pon 82 gitu [begitu] lah. Dia telah *upgrade* [naik taraf] semua untuk masuk ke, menjadi penolong pegawai siasatan ni, kena [perlu] diploma ke atas. Jadi saya yang STP jadi di *upgrade* [naik taraf] kepada diploma la. Jadi dia bagi skill diploma la dari segi pendapatan apa semua tu.

**Harridhi** **: Oo [begitu], tapi sebelum Tuan Sayed bersara, jawatan terakir Tuan Sayed sebagai pegawai penguasa? Macam mana---**

Sayed Milam : Penolong Pegawai Penguasa.

**Harridhi** **: Penolong---**

Sayed Milam : Penolong Penguasa.

**Harridhi** **: Penolong Penguasa---**

Sayed Milam : Ya.

**Harridhi** **: Okay, jadi dimanakah pejabat tuan berkerja dahulu?**

Sayed Milam :Saya bekerja mula-mula masuk kerja dulu tahun 78. Saya di *posting* [menghantar] kan di tempatkan di Pulau Pinang selama 3 tahun. Masa tu, BPRini dipanggil sebagai SPRM (tersilap). SPRM ni dipanggil sebagai Biro Siasatan Negara. Jadi jawatan saya masa tu, penolong pegawai siasatan. Seterusnya, saya dah tahun ke-4 perkhidmatan saya, saya bertukar ke Kelantan. Tinggal di Kelantan selama 7 tahun. Dandengan pangkat yang sama la penolong pegawai siasatan. Selepas tu, saya bertukar ke Terengganu, ke Kuala Terengganu dan berkhidmat di Kuala Terengganu selama 5 tahun dalam *post* [pos] yang sama jugak penolong pegawai siasatan, dan tahun 1993, saya telah bertukar ke Sandakan, Sabah. Dan tinggal di Sabah selama 6 tahun. Waktu diSabah, saya telah mendapat peluang untuk kenaikan pangkat sebagai penolong, Penolong Pegawai Siasatan Kanan (sambil berfikir). Lepas tu tahun, dalamtahun 2000, saya ditukarkan ke Terengganu, ke Kuala Terengganu dan ada rezeki sikit dinaikkan pangkat lagi kepada ketua (sambil berfikir), kepada ketua penolong kanan penguasa. Sehinggalah dalam tahun 2009, saya memilih untuk bersara awal iaitu umur saya masa tu 54 tahun, dengan pangkat yang samalah ketua, ketua Penolong Kanan Penguasa di BPR, Terengganu (sambil berfikir).

**Harridhi** **: Ok seterusnya, apakah peranan ketua penolong kanan penguasa dalam, ia, Tuan Sayed punya jawatan, apakah dia punya peranan?**

Sayed Milam :Sebagai ketua penolong kanan penguasa, waktu itu, di waktu itu di Kuala Terengganu, kekurangan penguasa, pegawai penguasa jadi dia, jadi BPR ni di BPR negeri (sambil berfikir) ada macam di ibu pejabat. Di ibu bejabat dia ada bahagian-bahagian siasatan, bahagian perisikan, bahagian perundingan, bahagian perundangan, bahagian pentadbiran, dan bahagian perkhidmatan masyarakat dan begitu juga di *state* [negeri], di negeri-negeri. SPRM negeri-negeri pon ada badan-badan berkenaan jugak tapi diubah nama kepadaunit. Jadi

terbentuklah di negeri-ngeri ni ada unit siasatan, unit perisikan, unit perundingan, unit pendidikan masyarakat, unit pentadbiran. Jadi saya, waktuitu dalam tahun seribu (tersilap), dalam tahun 2000 (sambil berfikir), awal 2000lah, penguasa yang mengetui unit perisikan BPR Terengganu telah bertukar. Jadi, saya telah diangkat untuk mengetuai unit perisikan BPR Terengganu. Sehinggalah, saya bersara.

**Harridhi** **: Ohh [begitu], begitu Tuan Sayed eh [ya]. Okay, jadi seterusnya, apakah cabaran utama Tuan Sayeddalam menjalankan tugas-tugas sebagai penyiasat, ketua penyiasat SPRM?**

Sayed Milam :Seperti yang saya katakan tadi, bukan ketua penyiasat. Sebab penyiasat tu adalah satu jawatan dalam BPR.

**Harridhi** **: Maafkan saya Tuan Sayed. Jadi---**

Sayed Milam :Penolong Kanan Penguasa, Ketua Penolong Kanan Penguasa.

**Harridhi** **: Okay Tuan Sayed, okay---**

Sayed Milam :Itu pos yang tertinggi dalam kumpulan B. Sebab kumpulan A, penguasa, penguasa tu lebih tinggi daripada penolong kanan penguasa.

**Harridhi** **: Ohhh [begitu]. Begitu Tuan Sayed ya---**

Sayed Milam :Jadi saya ni maksium dalam kumpulan B.

**Harridhi** **: Kumpulan B---**

Sayed Milam :Ye, ye. Tapi orang lama la kalau maknanya, saya ni kalau nak kirakan saya ni *batch* [sekumpulan]saya masa saya, balik ke *flashback* [imbas kembali] balik ek [ya] daripada mula. Waktu saya berkerja tahun 1978 tu, anggota dalam BPRcuma lebih kurang tak sampai 300 orang. Tiap-tiapnegeri tu, cuma ada 10 orang, 15 orang pegawai je. Termasuk di ibu pejabat.

**Harridhi** **: Sikit je.**

Sayed Milam :Tak ramai. Nk *compare*[banding] dengan sekarang ni dua ribu lebih, ataupun tiga ribu lebih sekarang ni. Jadi masatu, masa saya masuk kerja tu adalah saya dan *group-group* [kumpulan-

kumpulan] saya ni adalah dikatakan sebagai apa dikatakan (sambil berfikir), sebagai permulaan.

**Harridhi** : **Ape,Permulaan?**

Sayed Milam :Permulaan untuk menjalankan operasi BPR ni.

**Harridhi** : **Ohhh [begitu].**

Sayed Milam :Sehingga maknanya, kalau budak-budak tu tengok kita orang ni.*Batch* [sekumpulan]kita, *Batch* [sekumpulan]kami ni, macam cikgu-cikgu dia orang lar sebab kami yang mengajar dia cara-cara nak merisik, cara-cara nak rakam percakapan, cara nak mengambil report, cara membuat laporan, cara nk buat maklumat semua tu kira orang yang anunya [lakukan]. Nampak tak?

**Harridhi** : **Nampak---**

Sayed Milam : Sehinggalah sekarang ni, ditubuhkan bahagian apa ni bahagian latihan yang menguruskan untuk memberi pembelajaran kepada pegawai-pegawai SPRM. Dan ramai di, di bahagiaan latihan tu *batch-batch* [kumpulan-kumpulan] yang *batch-batch* [kumpulan-kumpulan] kita orang la sebagai cikgu-cikgu diorang. Aa [ya], gitu [begitu].

**Harridhi** : **Cukup hebat Tuan Sayedea [ya].**

Sayed Milam :Tak jugak, lebih kurang gitu [begitu] lah.

**Harridhi** : **Okay, seterusnya Tuan Sayed.**

Sayed Milam :ya.

**Harridhi** : **Jadi, bagaimanakah SPRM menguruskan pesalah-pesalah yang menerima ataupun memberi rasuah.**

Sayed Milam :Lebih elok saya mulakan dengan maklumat, sebab maklumat, biasenya maklumat yang kita dapat melalui pegawai kami, pegawai kita cari maklumat mana-mana kan. Yang kedua melalui maklumat daripada *public* [awam], daripada orang ramai kepada SPRM. Jadi, maklumat-maklumat tadi diproses oleh unit perisikan. Unit yang diikuti oleh sayalah.

**Harridhi** : **Aa [begitu]---**

Sayed Milam :Maklumat diproses oleh unit perisikan untuk mengesahkan sama ada maklumat tu *genuine* [asli], betul atau salah.

**Harridhi** :**Ohh [begitu]—**

Sayed Milam :Dah tu. Dier [dia], biasanya jadi dipanggil fail-fail siasatan kita orang untuk perisikan dipanggil sebagai *closed* [tertutup] file, *closed investigation*[siasatan tertutup]. Siasatan secara sulit.

**Harridhi** : **Sulit ya---**

Sayed Milam :Apabila dah di*confirm* [pasti] maklumat tu sebagai benar. Baru, maklumat tadi kami akan edarkan kepada unit siasatan. Unit siasatan melalui pengarah dan diadakan *open investigation* [siasatan terbuka], penyiasatan terbuka memanggil saksi-saksi, merampas dokumen-dokumen dan mengambil rakoman [rakaman] sehinggalah menangkap pesalah,yang menangkap si pesalah rasuah ni yang disyaki tadi. Jadi apabila tangkapan dibuat, dan siasatan sempurna, didapati jumlah keterangan yang kami peroleh tu mencukupi untuk dituduh di mahkamah (sambil befikir), barulah unitproses penuduhan mahkamah itu (sambil berfikir) dilakukan oleh bahagian perundangan, untuk menuduh di mahkamah. Apabila dituduh di mahkamah, dia di panggil sebagai orang yang dituduh. Belum bersalah lagi. Sehinggalah mahkamah membicarakan, memanggil saksi-saksi semua sehingga mahkamah mendapati yang orang yang dituduh tadi tu adalah bersalah, di jatuhkan hukuman barulah nama dia pesalah. Dan pesalah ini, kami mahkamah sahkan kepada polis untuk bahagian polis mahkhamah, maafya (batuk). Untuk di itulah dipenjarakan dia atau benda-benda, biasanya dipenjarakanlah. Nampak tak?

**Harridhi** : **Nampak, nampak---**

Sayed Milam : Aaa [begitu].

**Harridhi** : **Kira cukup teliti Tuan Sayed dia punya prosedur.**

Sayed Milam :Itulah lebih kurang yang saya masih ingat lagilah sikit-sikit tu.

**Harridhi** : **Kira bukan senang-senang dia nak tangkap?**

Sayed Milam :Bukan, itu prosess keadilan.

**Harridhi** : **Keadilan ek [ya].**

Sayed Milam :Tapi dari sudut pandangan umum, mungkin mengatakan lambat lah apalah semuakan. Tapi biasanya kami kena menjalankan proses itu. Seperti contoh, jika orang-orang yang tertentu ade kepentingan dalam sesuatu keadaan, dia buat laporan kepada BPR menyatakan si anu [dia] si [dia] anu itu menerima rasuahkan. Padahal sebagai dendam diorang ke apa ke, jadi kita terpaksa, kita buat *closed investigation*[siasatan tertutup] dulu memastikan *genuine* [asli], betul tak kes tu . Apabila kita dapat betul, baru kita 'proceed' kepada unit siasatan untuk jalankan terus siasatan. Kalau kita tak siasat datang maklumat, kita terus anu [begitu sahaja], bukan macamtu. Kalau kita buat macamtu tak adil pada masyarakat. Begitulah.

**Harridhi** : **Oo [begitu]. Jadi ia boleh dapat mengelakkan daripada mana-mana orang yang tak bersalah teraniaya, ya?**

Sayed Milam :Ya, begitulah.

**Harridhi** : **Okay, jadi sekarang Tuan Sayed dah bersara ee [ya]?]**

Sayed Milam :Ya, ya.

**Harridhi** : **Apakah perasaan Tuan Sayed ketika mula bersara?**

Sayed Milam :Begini (sambil berfikir)--

**Harridhi** : **Adakah Tuan Sayed bahagia ataupun sedih kerana meninggalkan pekerjaan...?**

Sayed Milam :Sebagai manusia biasa, memanglah kita. Saya berkhidmat selama 30 tahun dalam BPR ataupun SPRM. Selama 30 tahun saya berkhidmat, dan boleh dikatakan kerja ni lah ataupun kerjaya ini lah saya daripada muda saya sehingga saya tua. Kan? Jadi, pekerjaan BPR ni badan pencegah rasuah ni menyiasat, merisik apa semua ni telah menjadi darah daging saya.

**Harridhi** **: Oo [begitu].**

Sayed Milam :Kan? Jadi, pada peringkat awal saya bersara tu memanglah terasa, terasa apa macam sesuatu kehilangan.

**Harridhi** **: Terkilan?**

Sayed Milam :Haa [ya], terkilan la tapi, memandangkan situasi masa tu memerlukan keadaaan saya untuk bersara. Jadi saya pun memilih untuk bersara awal. Sebab, kalau kita berkerja, bekerja (sambil berfikir), bekerja, asyik berkerja je kan tak sudah kan.

**Harridhi** **: Haa [ya], ya, Tuan Sayed?**

Sayed Milam :Tak sudah kan, kita mesti ada perancangan untuk diri kita pulak. Macam diri kita, macam kita sebagai orang Islamni kan, kita tak kan nak kerja. Sebab masa kita sekolah dahulu, masa zaman persekolahan, pendidikan ugama [agama] ni kurang masatu.

**Harridhi** **: Ohh [begitu], begitu Sayed.**

Sayed Milam :Ya, begitu juga masa dalam pekerjaan. Pekerjaan yang selalu menyiasat siang malam keluar, pergi *out-station* [luar tempat kerja] jauh-jauh kan, kerja tak tentu masa. Jadi, masa mana kita nak tumpukan pada pembelajaran agama ke apa kan. Jadi saya memilih untuk bersara awal, sedikit sebanyak saya akan cuba-cuba balik belajar-belajar sikit[sedikit] *explore* [meneroka] agama yang saya ketinggalan selama ni dan menggunakan pendapatan yang tak seberapa yang ada tu kan, untuk mentadbirkan pengurusan rumahtangga saya.

**Harridhi** **: Oo [begitu]---**

Sayed Milam :Begitulah lebih kurang.

**Harridhi** **: Jadi cukup Islamik jugak aa [la] Tuan Sayed ni? Cukup alim la [la]?**

Sayed Milam :Tidak alim jugak tapi kesedaran tu penting.

**Harridhi** **:Oo [begitu]---**

Sayed Milam :Sedikit sebanyak kan [akan] ada kesalahan. Kalau tidak kita hanyut. Adakah tuan bersetuju dengan saya punya?

**Harridhi** **: Setuju, Tuan---**

Sayed Milam :Atau pon encik suka saya bekerja terus sehingga 60 – 70 tahun bekerja terus je?

**Harridhi** **: Eh, tak Tuan---**

Sayed Milam :Tanpa memandang pada masalah agama, sudut agama ke?

**Harridhi** **:Pilihan Tuan dah okay .**

Sayed Milam :Ya?

**Harridhi** **: Aa [ya]. Okay, seterusnya, adakah Tuan Sayed masih merindui kerjaya Tuan sebagai penyiasat SPRM suatu ketika dahulu?**

Sayed Milam :Kata orangkan, tempat jatuh lagi dikenangkan, inikan tempat mencari makan kan. Jadi saya sekala-sekala pon teringat, terkenang, kisah-kisah lama dan jika ada apa-apa maklumat. Ada apa-apa maklumat-maklumat penyelewengan apa, saya akan salurkan. Saya masih menyalurkan lagi kepada SPRM negeri-negeri. Jadi maknanya saya tidaklah bersara terus. Bersara terus tak mengambil pusing [peduli] masalah SPRM kan. Jadi kalau ada apa-apa maklumat, apa semua saya edarkan juga. Dan juga saya ada ramai juga orang-orang datang berjumpa saya, untuk menerima nasihat berkaitan dengan rasuah sebagai *personally* [peribadi] lah sebagai 'personal [peribadi]. Bukan jadi saya memberi nasihat , bagaimana kalau perlu untuk diorang pergi ke BPR, pergi ke BPR, dan kalau perlu kepada polis, pergi ke polis. Begitulah, saya guna pengalaman itu je lah.

**Harridhi** **:Jadi, hakikatnya Tuan Sayed masih lagi SPRM, jadi masih lagi berperanan dalam membangunkan, membantu SPRM dalam, ye, dalam terus lebih maju?**

Sayed Milam : Ya, mengikut keadaan keperluan jika perlu saya, saya berkerjasama la dengan SPRM.

**Harridhi : Aa [begitu].**

Sayed Milam :Lagipun.dia, saya punya *batch* [sekumpulan] ni kan, saya punya *batch* [sekumpulan] sekarang ni, biasanya jadi pengarah-pengarah negeri. Saya masih berhubung dengan diorang.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

**BAHAGIAN 4: PENGALAMAN& KENANGAN**

**Harridhi : Syabas Tuan Sayed. Okay, seterusnya kita masuk tentang pengalaman, kenangan pahit dan manis Tuan Sayed. Bolehkah Tuan Sayed ceritakan serba sedikit mengenai pengalaman pahit dan manis Tuan Sayed ketika belajar dahulu?**

Sayed Milam :Pelajar?

**Harridhi : Aa [ya]. Ketika menjadi pelajar dahulu.**

Sayed Milam :Kenangan manis saya adalah, keseronokan saya apabila ditawarkan ke sekolah berasrama penuh. Di Alam Shah. Saya belajar disana. Dan kenangan pahit saya, ya. Waktu saya keluar daripada Universiti Pertanian kerana masalah bahasa dan masalah istilah-istilah sains daripada Inggeris kepada apa, saya *Malay medium*[perantaraan bahasa Melayu] jadi apabila nak belajar subjek sains dalam bahasa Inggeris, sangat *contradict* [bercanggah]dia punya istilah tu. Jadi saya tercorot masatu. Saya terpaksa keluar. Begitulah.

**Harridhi : Sabar Tuan Sayed eh [ya].**

Sayed Milam :Sedih jugak lah.

**Harridhi : Tapi, semua tu dah berlalu.**

Sayed Milam :Dah, Insyaallah.

| | |
|---|---|
| **Harridhi** | **: Okay, jadi bagaimana pula dengan pengalaman pahit dan manis Tuan Sayed dalam SPRM? Ade ke?** |
| Sayed Milam | :Dalam SPRM, saya bekerja macam biasa. Macam pegawai-pegawai lain jugak [juga]berkerja. Pahit dan manis tu dalam kerja ni memang ade lah, ya. Yang pertama seperti contoh, kita tak serasi dengan rakan (sambil berfikir), rakan sejawat kita, dalam kumpulan kita ada jugak [juga]. Disamping tu kita juga ada rasa tidak seronok duduk dibawah pentadbiran satu-satu [sesuatu] pengarah. Ada satu pengarah, pengarah yang tidak, yang terlalu apa, terlalu strict tanpa memikirkan kebajikan pegawai. Yang itu yang saya sakit. Jadi, kita sebagai pengarah ni sepatutnya kita ada kebajikan yang tinggi untuk pegawai kita, bagi semangat pada diorang [mereka] untuk berkhidmat dengan baik. Begitulah ada, ialah ada yang macamtu kan,itulah lebih kurang. |
| **Harridhi** | **: Jadi, apa yang manisnya dalam SPRM ni?** |
| Sayed Milam | :Manisnya SPRM ini, kita bekerja mengikut masa sendiri (sambil berfikir). Maksud saya tu, kita tidak terikat sangat dengan pukul 8 pagi hingga 4.30 petang. Kita kerja, dia sebagai hakikatnya pukul 8 hingga 4:30 tapi, keadaan sebenarnya kita bekerja 24jam. Jadi, maksud saya, kita ada keseronokan bekerja tanpa ikatan tu. Kita mengadakan masa yang, masa sendiri maksud saya. Aa [ya] begitu. Jadi manis, maksud *you* [awak] tadi apa? Kenangan manis SPRM? |
| **Harridhi** | **: Aa [ya]. Ya, Tuan Sayed.** |
| Sayed Milam | :Oo [begitu]. Kenangan manis, waktu dinaikkan pangkat la. |
| **Harridhi** | **: Ha, ha, ha (ketawa).** |
| Sayed Milam | :Ya betul tak? Setuju dengan saya tak? |
| **Harridhi** | **: Setuju.** |
| Sayed Milam | :Jadi saya dapat dua kali kenaikan pangkat. Itu je. Itu kenangan yang manis bagi saya. |

**TAMAT BAHAGIAN 4**

**BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN & KEJAYAAN**

**Harridhi** : **Tua-tua pon kelakar Tuan Sayed ee [ya]. Ha, ha, ha (ketawa). Okay seterusnya Tuan Sayed, kita masuk topic yang lebih hangat. Okay. Mengenai pencapaian dan kejayaan Tuan Sayed. Bilakah Tuan Sayed berjaya mendapat, dapat penganugerahan sebagai Ahli Mangku Negara A.M.N.?**

Sayed Milam :Oo [begitu]---.

**Harridhi** : **Bilakah?**

Sayed Milam :Ahli Mangku Negara tu, saya dapat darjah Ahli Mangku Negara dalam tahun 2006. Iaitu setelah saya berkhidmat selama 27 tahun. Dalam SPRM. Jadi mungkin, mungkin dia, diorang pandang dari segi perkhidmatan saya selama 27 tahun dengan tiada apa-apa masalah yang timbul, hanya saya kan, dan saya dapat menjalankan tugas saya dengan baik, dimana saya ditempatkan. Jadi kemungkinan dengan itu, dia anugerahkan Ahli Mangku Negara ni. Alhamdulillah.

**Harridhi** : **Syabas Tuan Sayed. Okay, seterusnya, adakah penganugerahan lain yang TuanSayed telah terima selain daripada A.M.N.?**

Sayed Milam : Anugerah-anugerah lain tu, anugerah di dalam jabatan lah. Macam apabila, kita dapat siapkan satu kertas siasatan awal katakana la. Dianugerahkan sijil. Ada cemerlang. Saya dapat apa ni (sambil berfikir) khidmat cemerlang sebanyak dua kali kalau tak silap saya dua kali. Dan lain-lain tu sijil-sijil biasa je.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

**BAHAGIAN 6: SUMBANGAN**

**Harridhi** : **Okay Tuan Sayed, tahniah atas segalanya Tuan Sayed. Okay seterusnya mengenai sumbangan. Apakah sumbangan Tuan Sayed kepada SPRM?**

Sayed Milam :Sumbangan saya, sama juga seperti pegawai-pegawai lain. Saya rasa, sumbangan saya yang maknanya saya ni setia

kepada jabatan. Ye. Sumbangan saya adalah setia kepada jabatan, menjalankan kerja-kerja dengan baik dan mematuhi segala arahan-arahan yang baik daripada pihak atasan, menjalankannya. Ya, dari sudut itu, itulah dikatakan sumbangan saya.

**Harridhi** **: Oh [begitu], gitu [begitu] Tuan Sayed---**

Sayed Milam :Sebab kami terikat dengan dengan kerjakan? Sumbangan kami bercorak kerja lah. Faham tak maksud saya?

**Harridhi** **:Faham, Tuan Sayed.**

Sayed Milam :Haaaa [ya].

**Harridhi** **: Okay, jadi seterusnya, bagaimana pula dengan sumbangan Tuan kepada kerajaan negeri Terengganu ni? Mengenai mungkin dalam rasuah, membantras ataupun ape ke?**

Sayed Milam :Saya bekerja berkhidmat di Terengganu cuma dua kali. Sepanjang perkhidmatan saya ni, iaitu dalam tahun 1989 (sambil berfikir) hingga 1973 [1973 -1989], selama 5 tahun di Terengganu, lepas tu saya bertukar ke Sabah. Dalam tahun dua ribu, saya bertukar balik ke Terengganu. Sehinggalah saya bersara dalam tahun dua ribu Sembilan. Jadi sumbaganan saya kepada Terrengganu, cuma berkhidmatsebagai pegawai BPR, pegawai badan pencegah rasuah atau SPRM di Terengganu. Dari siniah saya, maknanya saya mengumpul-mengumpul,saya ketua unit perisikan kan. Jadi, tugas-tugas unit perisikan ni adalah mengumpul data-data maklumat. Maklumat berkaitan dengan keterangan-keterangan kerajaan, ahli-ahli dewan undangan negeri. Semuanya, semuanya, ada dalam maklumat SPRM. Jadi unit-unit kami lah yang, yang, yang memproses maklumat-maklumat ni. Jika diperlukan oleh unit-unit siasatan, kami akan edarkan teruslah. Jadi, sumbangan saya adalah, sumbangan-sumbangan saya adalah mengumpulkan kemudahan-kemudahan, maksud saya kemudahan-kemudahan untuk pihak jabatan BPR (tersilap), SPRM ni menjalankan tugasnya terhadap negeri Terengganu.

**Harridhi** **: Oo [begitu].**

Sayed Milam :Nampak tak? Begitulah lebih kurangnya.

**Harridhi : Cukup hebat Tuan Sayed ek [ya]. Jadi seterusnya, bagaimana sumbangan Tuan Sayedkepada rakyat Terengganu mungkin dari segi dalam konteks Rasuah ke, aspek Rasuah atau pon apa?**

Sayed Milam :Sumbangan saya ginilah, memberi nasihat. Jika berbetolan [kebetulan] berjumpa dengan orang diorang kan. Ada juga di kalangan orang awam terus bertanya kepada saya. Jadi saya memberi nasihat mana-mana yang perlu. Jika maknanya, jika ada rasa-rasa tidak puas hati sekarang, macam kedai-kedai kopi misalnya. Seperti kita minumkedai, kedai kopi ada perbualan mengatakan ni, ni apa ni, kerajaan negeri gini-gini [begini]. Yang kita cuba memberikan *explanation* [penerangan] kepada diorang. Bahawa, katakan ada sesetengah yang merungut kenapa pemimpin ni tak kena? Kan? Tak kena rasuah.Dan padahal sepatutnya hak[yang] ni kena rasuah kan kena tangkap apa semuakan?

**Harridhi :Ya, Tuan Sayed.**

Sayed Milam :Tapi saya menjelaskan kepada diorang, bahawa, untuk nak mambuktikan kesalahan tu adalah rumit. Kita memerlukan keterangan orang yang, ya?

**Harridhi : Ya, Tuan Sayed.**

Sayed Milam :Jadi, kesulitan BPR ni Badan Pencegah Rasuah ni atau pon SPRM ni adalahmendapatkan kerjasama saksi. Apabila kurang dapat kerjasama saksi yang berani untuk memberi keterangan, jadi orang yang bersalah terlepas. Ataupun tak di siasat.

**Harridhi :Begitu Tuan Sayed ek [ya]?**

Sayed Milam :Haa [ya].

**Harridhi : Oo [begitu], Kira diorang ni---**

Sayed Milam :Jadi, apabila saya memberi penerangan tu, yang berjumpa dengan saya tu fahamlah. Jadi dia dapat cooldown [bertenang] dia punya kemarahan kepada kerajaan.

**Harridhi** : **Ohh [begitu].**

Sayed Milam : Itulah lebih kurang. Ha, ha, ha (ketawa). Secara umumnya, urusan ni dijalankan oleh Unit Pendidikan Masyarakat (sambil berfikir). Unit pendidikan masyarakat akan memberikan penerangan kepada masyarakat melalui ceramah-ceramah, melalui dialog, melalu radio. Itu unit perisikan. Bukan, unit pendidikan masyarakat. Bukan unit sayalah. Unit saya dari segi maklumat. Nampak tak?

**Harridhi** : **Nampak Tuan Sayed.**

Sayed Milam :Aa [begitu].

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: PENDAPAT

**Harridhi** : **Saya cukup kagum dengan Tuan Sayed ee [ya]. Ha, ha, ha (ketawa). Okay. Seterusnya, tentang pendapat Tuan Sayed. Pendapat Tuan Sayed, apakah perbezaan cara pendidikan pada zaman Tuan dengan pendidikan pada masa kini secara ringkas pun takpe [tidak mengapa] Tuan Sayed?**

Sayed Milam :Pendidikan zaman saya dulu, semua dikatakan *hundred percent* [seratus peratus] bergantung kepada cikgu. Pada guru-guru ataupun pensyarah. Berbeza dengan sekarang. Dengan teknologi maklumat yang ada ni. Masing-masing dapat memetik maklumat berkaitan dengan pendidikan daripada internet , daripada blog-blog tertentu daripada apa semua. Jadi pensyarah-pensyarah, guru-guru cuma bagi bimbingan. Masa kami dulu, semua macam disuap. Nampak?

**Harridhi** : **Nampak, Tuan.**

Sayed Milam :Aa [ya], itu perbezaan yang ketara di situ lah. Satu lagi, dari sudut bahasa. Macam dulu bahasa di sekolah ni aliran Melayu dan aliran Inggeris. Ada dua aliran . Jadi, kebanyakannnya yang aliran melayu ni dia macam dia ada *impurity*[Ketidakjatian] *compact*[padat] sikit. Sebab dia kurang berbahasa Inggeris. Jadi, kebanyakannya, kebanyakannya *leader-leader* [ketua-

ketua] apa jawatan-jawatan tinggi tu dikuasai oleh berpendidikan Inggeris. Sehinggalah Universiti Kebangsaan ditubuhkan. Barulah banyak bahasa Malaysia ni aa [la] lebih kurangla. Sama naik sekarang dengan bahasa Inggeris.

**Harridhi** : **Begitu Tuan Sayed ee [ya]?**

Sayed Milam :Ya.

**Harridhi** : **Okay. Seterusnya, siapakah orang yang banyak mempengaruhi personaiti dan peribadi Tuan Sayed?**

Sayed Milam :Yang dari segi pekerjaan, dari segi pekerjaan kerjaya saya, personaliti pegawai-pegawai yang *senior* [lebih tua]. Ya. Saya cuba mengikut diorang cara-cara. Yang terdiri daripada biasanya dulu, badan pencegah rasuah ni dianggotai oleh bekas-bekas polis. Jadi saya mencontohi diorang dalam menjalankan kerja-kerja. Begitu.

**Harridhi** : **Begitu aa [ya] Tuan Sayed. Jadi, bolehkah Tuan Sayed ceritakan mengenai falsafah hidup Tuan Sayed? Mungkin pegangan Tuan Sayed?**

Sayed Milam :Falsafah hidup? Ini soalan yang serius saya rasa ni. Falsafah hidup saya ni adalah tak suka tengok benda yang melanggar pada norma-norma undang-undang. Jadi, ialah seperti (sambil berfikir)*even* [walaupun] seperti orang buang sampah tepi jalan, saya rasa memberontak dalam jiwa saya. Aa [ya], gitu [begitu] contohnya. Begitu jugakdengan orang-orang yang melakukan rasuah. Atau melakukan-melakukan, jadi apabila sekarang sudah bersara ni, apabila perbuatan-perbuatan yang, yang melanggar dari sudut agama ni , saya rasa ketot [pendek] fikiran. Jadi maknanya saya lebih tumpukan kepada akhlak lah. Akhlak yang baik lah.

**Harridhi** : **Memang patut pun Tuan Sayed. Okay, bagaimana pula dengan rahsia kecemerlangan Tuan Sayed?**

Sayed Milam : Rahsia kecemerlangan saya, Ha, ha, ha (ketawa). aa [ya] (sambil berfikir) tidak berapa cemerlang sangat yang s ebenarnya. Tapi seperti Encik Harridhi katakan saya cemerlang,

Insyaallah, Alhamdulillahlah, Ia.Ya. Rahsia dia, kita berpegang pada janji baikAllah S.W.T. kepada kita. Kita beramal baik, Allah Taala akan kurniakan kepada kita kebaikan. Aa [ya],gitu [begitu].

**Harridhi** **:Begitu Tuan Sayed ya. Okay seterusnya , siapakah yang menjadi pendorong supaya Tuan Sayed terus berjaya? Ayah Tuan Sayed ke ataupun ia ooo pegawai-pegawai yang sebelum ni yang Tuan Sayed cakap?**

Sayed Milam :Yang mendorong saya adalah biasanya pengarah-pengarah negeri la disamping kalau dari rumah pun isteri sayalah yang mendorong saya untuk bekerja kan. Aa [ya]itulah.

**Harridhi** **: Suriani ee [ya], Suriani?**

Sayed Milam :Ya, Suriani.

**Harridhi** **: Suriani, Tuan Sayed ee [ya].**

Sayed Milam :Dan melihat pada anak-anak saya yang ramai ni, saya kena bekerja keras. Ya? Itulah lebih kurang.

**Harridhi** **: Oo [begitu]. Okay, jadi, siapakah pemimpin Malaysia yang Tuan Sayed kagumi ? Najib Tun Razak ataupun apa Tuan Sayed?**

Sayed Milam :Pemimpin yang saya kagumi, kalau nk kira, Mahathir aa [la].

**Harridhi** **: Mahathir ya?**

Sayed Milam :Tun Mahathir. Maknanya, saya tengok satu Youtube aa [ya], Mahathir ditemubual oleh Amarika [amerika] tak silap kan?

**Harridhi** **: Ohh [begitu] ya, Tuan Sayed.**

Sayed Milam :Aa [ya]. Saya tengok situ dia punya jawapan dia dengan *defend* [mempertahankan] orang melayu kan. Aa [ya,] saya cukup *salute* [tabik].

**Harridhi** **: Cukup *confident*[yakin] Tuan Sayed ee [ya]?**

Sayed Milam :Dia membela Melayu di (sambil berfikir)---

**Harridhi** : **Persada dunia, Tuan Sayed?**

Sayed Milam :Aa [ya], di persada dunia. Itu dari satu sudut aa [la]. Dari sudut lain tu, kemungkinan ada cadangan-cadangan ada individu-individu lain yang saya kagumi. Ya.

**Harridhi** **:Jadi, bagaimana cara Tuan Sayed menguruskan dan menyeimbangkan masa Tuan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penyiasat?**

Sayed Milam :Sebagai pegawai---

**Harridhi** **: Aa [ya]! Pegawai Penguasamaksud saya.**

Sayed Milam :Dari sudut siasatan la maksudnya kan?

**Harridhi** **:Aa [ya], siasatan Tuan Sayed.**

Sayed Milam :Saya mensesuaikan [menyesuaikan] masa , masa saya untuk kerja, untuk dalam perkhidmatan Badan Pencegah Rasuah, atau Suruhanjaya Perkhidmatan (tersilap), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ni, kami dikira bekerja selama 24jam. Jadi masing-masing kerja mengikut cara masing-masing. Sepertinya, macam badan, unit perisikan . Unit perisikan kerja tidak tentu masa. Mana mungkin masa orang tidur dia kerja. Dia kena *standby* [berjaga], dia kena gi [pergi], dia kena cari maklumat, dia kena mencari membuat pemerhati-pemerhatian di rumah-rumah tertentu, lokasi-lokasi tertentu, bangunan-bangunan tertentu kan.

Jadi, dia tak ada masa untuk dia. Jadi macam saya, ketua, sebagai ketua unit perisikan. Saya memantau diorang . Jadi sayapun maknanya tidak terikat dengan masa jugak [juga]. Jadi dalam keadaan begitu, saya sesuaikan diri dengan keluarga. Ya. Masa-masa tertentu saya bersama keluarga, dan isteri saya pun, anak-anak saya pun faham dari sudut kerja saya ni, kan? Jadi, kebanyakannya, sebilangan besar saya menyerahkan kepada isteri saya lah untuk menguruskan keluarga. Dan masa waktu takda [tiada], mana waktu-waktu yang lapang, tiada kes-kes yang memerlukan tindakan serta merta, saya akan bersama keluarga lah. Pergi-pergi, bawak diorang bersiar-siar ke mana-mana. Begitulah saya menguruskan masa saya. Mana masa *free* [lapang], saya tupuang [tumpukan] *hundred percent* [seratus

peratus] kepada keluarga, masa *free* [lapang]. Saya tak keluar mana-mana.

**Harridhi** : **Jadi, Tuan Sayed ketua keluarga yang baik?**

Sayed Milam :Itu terserah pada anak-anak dan isteri sayalah (dengan nada ketawa), mungkin dia kata baik kot.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

**BAHAGIAN 8: DISIPLIN & TANGGUNGJAWAB**

**Harridhi** : **Ha, ha, ha (ketawa). Okay Tuan Sayed. Okay jadi berkenaaan dengan disiplin dan tanggungjawab Tuan Sayed, adakah Tuan Sayed bangun awal kebiasaannya?**

Sayed Milam :Ha, ha, ha (ketawa). Bangun awal tu biasanya, bangun awal dibantu oleh isteri saya la selalunya. Sebab saya memang kalau dah balik kerja apa semua letihkan? Jadi isteri saya lah yang membangunkan saya. Gitu [begitu] lah lebih kurang. Dia pun faham saya.

**Harridhi** : **Cukup bagus aa [ya] isteri Tuan Sayed. Okay, okay. Adakah Tuan selalu tidur awal kebiasaannya?**

Sayed Milam :Masalah tidur ni seperti yang saya katakan tadi, saya kerja tak tentu masa kan. Kadang-kadang balik lewat. Apabila baik lewat, terpaksa tidur lewat. Kalau balik awal saya tidur awal la. Kadang-kadang bersama melayan kerenah anak-anak, kan?Dan ada anak-anak yang dewasa sikit, kena bersembang dengan dia la. Yang diorang, lewat jugak [juga]saya tidur kan? Aa [ya] gitu [begitu] lah. Keadaan tak menentuaa [la].

**Harridhi** : **Jadi, adakah Tuan Sayed selalu datang awal ke tempat kerja tepat pada masanya?**

Sayed Milam :Saya sebagai ketua unit, saya kena awal lah. Sabab saya akan memerhatikan anak-anak buah saya, saya kena pastikan datang awal. Kecuali, kalau diorang [mereka] ada tugas malam ke, tugas-tugas luar masa, kan? masa tu diperbolehkan datang lewat sikitlah. Tak semestinya pukul 8. Untuk di unit saya yang saya cakap ni. Bukan di unit lain. Macam unit lain di pejabat.

Macam saya , unit perisikan masatu, saya, unit saya tidak duduk bersama dengan SPRM negeri. Saya duduk diluar, di bangunan lain. Kami menyewa di satu rumah yang tidak diketahui oleh, oleh *public* [awam]. Aa [ya], gitu.

**Harridhi** **: Gitu [begitu] Tuan Sayed ee [ya]. Jadi seterusnya, bagaimanakah Tuan Sayed memastikan agar segala kerja yang Tuan Sayed jalankan berjalan dengan lancar?**

Sayed Milam :Biasanya, saya membuat tahap-tahap dari sesuatu kes-kes tu, tahap-tahap dia dari segi pengumpulan *evidence* [bukti] katakan. Maklumat awal kita perlu dalam masa berapa lama, satu minggu ke. Maklumat, *confirm* [pasti] untuk maklumat awal ni,satu minggu. Biasanya (sambil berfikir), adalah rumit untuk membuat sesuatu tugas tu dengan serta-merta. Jadi mengambil masa. Sebab kami berhubungan dengan public, dengan orang ramai untuk melihat dokumen-dokumen untuk mengetahui sapa-sapa yang berkuasa atas dokumen tu, untuk mendapatkan siapa yang bercakap mengenai dokumen tu, dan orang tu memujuk orang tu supaya bercakap. Ada yang *refuse* [enggan], ada yang menolak untuk memberi keterangan. Jadi ini yang melambatkan proses menjadikan ambil masa uu [tu].

**Harridhi** **: Cukup cekap aa [ya]Tuan Sayed. Okay, jadi seterusnya, adakah Tuan Sayed sentiasa menjaga kebersihan di tempat kerja?**

Sayed Milam :Aa [ya] itu semestinya. Kebersihan mesti diutamakan. Dan kami di tempat kerja ada tukang bersih sebenarnya. Ada pekerjakan? cumamenasihatkan pegawai-pegawai supaya jangan merokok di merata-rata tempat la, ada satu tempat merokok, jika ada yang merokok la. Kebersihan perlu diutamakan.

**Harridhi** **:Bersih Tuan Sayed ee [ya]. Okay, bagaimanakah Tuan Sayed menguruskan kewangan Tuan Sayed?**

Sayed Milam :Kewangan? Kewangan ni. Ha, ha, ha (ketawa). Kewangan nie sensitif ni tajuk sensitif ni. Ya (sambil berfikir), boleh cukup makan la. Cukup makan, cukup pakai, kan? Perbelanjaan

sekolah diorang, kan? Itu dah memadai bagi saya? Nak bermewah-mewah tu, pegawai BPR biasanya jarang yang mewah. Ya. Dia semata-mata bergantung pada gaji dan elaun. Tu je.

Harridhi : **Ok Tuan Sayed aa [ya]. Jadi, adakah Tuan Sayed selalu bersenam?**

Sayed Milam :Bersenam, biasanya saya kurang bersenam sebenarnya tapi saya suka melatih perbuatan-perbuatan silat yang saya belajar sedikit-sebanyak tu lah. Jadi saya buat latihan sikit berpeluh sikit, cukup. Aa [ya], saya rasa elok anak-anak muda buat macamtu. Di waktu muda ni belajar silat , di waktu tua nanti boleh latih-latih sendiri untuk keluar peluh. Tak perlu pergi *jogging* [berjoging atau berlari-lari anak] jauh-jauh. Kat [dekat] sekitar rumah pun boleh. Janji kita keluar peluh. Ada, ada, encik bersetuju dengan saya?

Harridhi :**Bersetuju, Tuan Sayed. Betul, betul tu Tuan Sayed. Saya pun fikir macamtu Tuan Sayed. Jadi seterusnya, adakah Tuan Sayed sentiasa menjaga pemakanan Tuan Sayed?**

Sayed Milam :Pemakanan kena jaga. Makna saya makan tidak terlalu kenyang. Saya makan, boleh dikatakan jika saya ambil nasi tengah hari, saya jarang-jarang menambah.Saya makan cukup, tu ee [je]. Dan apa-apa yang isteri saya bagilah. Contoh masa petang minum air sikit-sikit, kuih sikit, tu je. Sekali-sekali saya keluar kawan-kawan pergi makan-makan, ada jugalah.

Harridhi : **Cukup baik Tuan Sayed ee [ya]. Okay, bagaimanakah Tuan Sayed mendidik anak-anak Tuan Sayed agar menjadi insan yang berguna pada bangsa dan negara Tuan Sayed?**

Sayed Milam :Biasa, dari sudut pendidikan anak-anak ni, biasa masa, masa diorang kecik-kecik dahulu, saya pernah ajak diorang sembahyang jemaah bersama, ada jugak, lepastu diwaktu (sambil berfikir), waktu-waktu selepas diorang makan malam apa semua tu, kami duduk setempat tu. Saya panggil buat *turn* [giliran] untuk membaca, membaca buku aa [ya]. Saya pilih buku apa saya ingat buku, ada satu buku akhlak lah. Saya buat turn

[giliran] yang ni abang baca dulu, yang kedua adik baca . Begitu ada begitu saya pernah buat jugak [juga]. Dan mengajak diorang pergi ke masjid , dan tarawih ya, ada jugak. Dan membawak [membawa] diorang pergi sembahyang jumaat. Pendidikan secara spontan [berlaku dengan sendiri] macam tu. Maknanya secara khususyang macamni, yang secara, secara yang tetap tu tidak. Sebab saya kerja tak ikut masa kan. Jadi, semua itu atas budi bicara isteri saya lah.

**Harridhi** : **Tahniah Tuan Sayed ee [ya]. Jadi, bagaimanakah Tuan Sayed meluangkan masa dengan anak-anak?**

Sayed Milam :Seperti yang saya katakan tadi, jika ada masa terluang, saya akan gunakan masa tu untuk anak-anak .

**Harridhi** : **Oo [begitu], begitu Tuan Sayed ya. Maafkan saya sebab saya terlupa---**

Sayed Milam :Bawak diorang pergi makan-makan. Ya. Pergi ke mana-mana restoran yang, ya. Bawak [bawa] diorang pergi makan, bawak [bawa] pergi pantai. Begitulah.

**TAMAT BAHAGIAN 8**

**BAHAGIAN 9: HARAPAN MASA DEPAN**

**Harridhi** : **Okay, kita okey. Saya akan Tanya soalan mengenai harapan masa depan. Ini adalah soalan terakhir, Tuan Sayed ye. Bab terakhir Tuan Sayed. Ok jadi, apakah harapan utama Tuan Sayed kepada SPRMpada masa yang akan datang?**

Sayed Milam :Harapan saya, adalah supaya agar Allah menjayakan SPRM, memajukan SPRM ni maksud saya, SPRM ni biarlah disegani, dihormati oleh masyarakat.Kalau masyarakat rakyat jelata tidak menghormati SPRM, maka SPRM tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Jadi (sambil berfikir), kredibiliti SPRM tu mesti diutamakanlah. Maksud saya, ke apa-apa harapan saya agar SPRM menjalankan tugasnya dengan bebas tanpa terikat dengan mana-mana badan-badan pemerintah. Maksud saya gitu [begitu].

**Harridhi** : **Gitu [begitu] Tuan Sayed ee [ya].**

Sayed Milam :Biar dia bebas dengan tanggunjawabnya sebagai pencegah rasuah. Baru rakyat pandang tinggi pada SPRM.Kan[bukan] begitu?

**Harridhi** : **Begitu Tuan Sayed.**

Sayed Milam :Jika ada campur tangan dalam SPRM menjalankan tugas, itu tidak praktikal, tidak berapa.

**Harridhi** : **Saya pun fikir begitu macam tu, Tuan Sayed. Okay, jadi soalan kedua tentang harapan masa depan Tuan Sayed, apakah harapan Tuan terhadap masyarakat dan rakyat Malaysia. Ya, mungkin dalam aspek rasuah ni?**

Sayed Milam :Mana harapan saya, supaya masyarakat rakyat jelata ni faham apa itu rasuah. Dan tanamkan sifat-sifat benci pada rasuah. Kan, rasuah ni macam barah.Dia akan membunuh orang. Barah akan membunuh masyarakat. Rasuah ini akan melenyapkan satu-satu negara negeri. Jadi, peranan rakyat adalah cuma bekerjasama dengan pemerintah. Terutamanya dengan SPRM. Untuk memberikan maklumat, bekerjasama dengan siasatan. Ya. Begitu. Baru Malaysia ini akan disegani oleh pihak luar. Apabila negara kita bersih daripada rasuah.

**Harridhi** : **Betul Tuan Sayed.**

Sayed Milam :Kesedaran tu yang penting. Kesedaran masyarakat.

**Harridhi** : **Okay Tuan Sayed, soalan terakhir Tuan Sayed ee [ya], apakah harapan Tuan kepada diri Tuan sendiri pada masa yang akan datang?**

Sayed Milam :Soalan ini, sungguh, sungguh berat soalan ni. Tapi saya cuba menjawab la.

**Harridhi** :**Soalan terakhir Tuan Sayed.**

Sayed Milam :Harapan saya, terhadap diri saya sendiri?

**Harridhi** **: Ya, Tuan Sayed.**

Sayed Milam : Harapan saya pada diri sendiri seperti saya baca satu ni ya, cuba dengar ya:"ilaahii anta maksuudii waredhooka mathlubi a'tinii mahabbataka wamakrifataka". Aa [ya], itu harapan saya. Iaitu, "ilaahii", Ya Allah, engkaulah yang aku maksud, redhamu yang aku cari, bimbinglah aku untuk mencintaimu, untuk makrifat pada mu, mengenal mu. Itu harapan saya. Pada diri saya sendiri.Dan agar tuan-tuan dan puan-puan juga pun macam tu jugak [juga]. Cuba ingatkan apa yang saya sebut tadi.

**Harridhi** **: Cukup dalam maksudnya ya, Tuan Sayed.**

Sayed Milam :Insyaallah.

**Harridhi** **: Okay, Tuan Sayed, saya rasa kira saya boleh beredar sekarang ni. Terima kasihTuan Sayed kerana segalanya.**

Sayed Milam :Sama-sama.

**Harridhi** **:Assalamua'laikum Tuan Sayed ya.**

Sayed Milam :Waa'laikumussalamwarahmatullah.

-----Transkrip Tamat----

# LAMPIRAN

# LOG WAWANCARA

Sayed Muhammad Harridhi Bin Sayed Milam telah menemubual Tuan Sayed Milam Bin Sayed Hashim yang dilahirkan pada 1955 di Kampung Kuala Ibai, Kuala Terengganu. Temubual telah dijalankan di rumah beliau di Taman Sri Beruas, Kuala Terengganu mengenai sejarah penglibatan beliau dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) pada 1978-2009.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| 0.00 | ***LATAR BELAKANG***<br>Nama dalam kad pengenalan<br>Tempat lahir<br>Bilangan anak | Sayed Milam Bin Sayed Hashim<br>Kampung Kuala Ibai, Kuala Terengganu<br>7 orang anak |
| 12.44 | ***SEJARAH PENDIDIKAN***<br>Pendidikan awal<br>Melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah<br>Melanjutkan pelajaran ke Universiti | Sekolah Kebangsaaan Pusat Kuala Ibai<br>Sekolah Menengah Padang Midin<br>Sekolah Menengah Alam Shah<br>Universiti Pertanian Malaysia |
| 19.37 | ***SEJARAH KERJAYA***<br>Kerjaya awal<br>Berkerja sebagai penyiasat<br>Menjadi Penolong Kanan Penguasa, SPRM | Pembanci RISDA<br>Badan Pencegah Rasuah (BPR)<br>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) |
| 42.28 | ***PENGALAMAN& KENANGAN***<br>Pengalaman pahit dan manis<br>Keluar dari Universiti<br>Kenaikan pangkat | Universiti Pertanian Malaysia<br>Penolong Kanan Penguasa, SPRM |

| | | |
|---|---|---|
| 46.15 | ***PENCAPAIAN & KEJAYAAN***<br>Mendapat penganugerahan | Dianugerahi darjah Ahli Mangku Negara (A.M.N.) |
| 47.57 | ***SUMBANGAN***<br>Kepada SPRM<br>Kepada Negeri Terengganu<br>Kepada rakyat Terengganu | Mematuhi segala arahan-arahan yang baik daripada pihak atasan |
| 52.46 | ***PENDAPAT***<br>Perbezaan cara pendidikan | Zaman dahulu bergantung kepada cikgu 100% |
| 1.00.56 | ***DISIPLIN & TANGGUNGJAWAB***<br>Bangun awal kebiasaannya | Dibantu oleh isteri |
| 1.08.56 | ***HARAPAN MASA DEPAN***<br>Harapan utama kepada SPRM | SPRM ni biarlah disegani |

# DIARI KAJIAN

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 7.00pg - 3.00ptg | 7 Jun 2015 | Perjumpaan dengan tokoh<br><br>Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk meminta kebenaran ditemu-ramah. | Proses pembuatan soalan. |
| 4.20ptg – 5.33ptg | 7 Jun 2015 | Menemu-ramah tokoh<br><br>Temubual berlangsung di rumah tokoh. | Rakaman suara di lakukan. |

# SENARAI SOALAN

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

1. Assalamua'laikum Tuan Sayed.
2. Soalan pertama saya, untuk Tuan Sayed berkenaan dengan latar belakang Tuan Sayed Milam. Bolehkah Tuan nyatakan nama penuh Tuan Sayed seperti di seperti di dalam kad pengenalan?
3. Ohh [begitu]. Soalan seterusnnya, apakah nama gelaran Tuan Sayed?
4. Ohh [begitu]. kira orang panggil Tuan, Tuan Sayed?
5. Ohh begitu. Okay berapakah umur Tuan Sayed sekarang?
6. Bilakah tarikh lahir Tuan Sayed?
7. Jadi dimanakah Tuan Sayed dilahirkan?
8. Okay seterusnya, dimanakah Tuan Sayed dibesarkan?
9. Ohh, gitu [begitu].
10. Bolehkah saya tahu nama bapa Tuan Sayed?
11. Jadi datuk Tuan Sayed, Sayed hussien?
12. Okay, seterusnya bolehkah saya tahu nama ibu Tuan Sayed?
13. Apakah pekerjaan bapa Tuan Sayed?
14. Apakah pekerjaaan ibu Tuan Sayed?
15. Oh macam tu. Soalan seterusnya, bolehkah Tuan Sayed beritahu alamat rumah yang Tuan Sayed menetap sekarang?
16. Bolehkah Tuan Sayed ceritakan mengenai latar belakang keluarga tuan?
17. Ohh [begitu]. Boleh saya tahu Sayed tu keturunaan dari apa? Dari mana? Asal usul keturunan Sayed?
18. Jadi Tuan Sayed ni, Sayed ni kira [adalah] Ahlul Bait ek [la]?
19. Ohh , ahhh (kagum) hebat jugak!
20. Okay, Tuan Sayed. Jadi berapakah bilangan adik-beradik Tuan Sayed?
21. Adakah Tuan Sayed anak sulung dalam keluarga?
22. Kira besar jugak aa [la] tanggungjwab tuan Sayed ni?
23. Jadi seterusnya, bilakah Tuan Sayed berkahwin?
24. Ohh [begitu], agak lama jugak aa [la].
25. Ketika itu, berapa umur Tuan Sayed?
26. Ohh [begitu]. Jadi siapakah nama isteri Tuan Sayed?
27. Kira dua-dua [keduanya] orang Terengganu aa [lah]?
28. Jadi seterusnya, berapakah bilangan isteri Tuan Sayed?
29. Tuan Sayed belum ada berniat untuk mencari yang lain?

30. Ohh [begitu]. Okay, seterusnya jadi apakah pekerjaan isteri Tuan Sayed?
31. Kira tak bekerja aa [la]?
32. Jadi boleh saya tahu apakah status pekahwinan Tuan Sayed sekarang?
33. Tahniah. Okay, seterusnya berapakah bilangan anak lelaki tuan?
34. 3 orang. Boleh saya tahu nama?
35. Okay seterusnya, bagaimana pula dengan bilangan anak perempuan Tuan Sayed?
36. Jadi, tujuh orang semuanya?
37. Oo, okay. Seterunya, bolehkah Tuan Sayed ceritakan secara ringkas mengenai anak-anak tuan, pekerjaan diorang?
38. Kira, boleh dikatakan berjaya jugak aa [ya] ada yang engineer [jurutera] tu semua aa [ya] tuan?
39. Okay, alhamdulillah. Seterusnya, adakah Tuan Sayed mempunyai keluarga angkat?
40. Okay, seterusnya. Adakah Tuan mempunyai anak angkat?
41. Tidak ada, okay. Apakah hobi Tuan Sayed pada masa lapang?
42. Oo [begitu], kira hobi Tuan Sayed lebih kepada---
43. Kekeluargaan aa [la] dan ulat buku jugak aa [la] Tuan Sayed ea [ya].
44. Okay, seterusnya, apakah makanan kegemaran Tuan Sayed?
45. Ohh [ya], macam tu .
46. Kira simple [mudah] jugak aa [la] Tuan Sayed ni an [kan]?
47. Ohh [begitu], Alhamdulliah aa [la]. Okay seterusnya, apakah minuman kesukaan Tuan Sayed?
48. Oo [begitu], kelapa.
49. Oo [begitu], kira banyak jugak aa [la] kelapa---

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

50. Ohh [begitu], okay. Seterusnya, kita masuk ke soalan berkenaan dengan sejarah pendidikan Tuan Sayed. Okay, soalan pertama. Di manakah Tuan Sayed bersekolah dahulu? Sekolah rendah hingga sekolah menengah?
51. Begitu aa [ya].
52. Boleh, boleh teruskan kalau boleh--
53. Ohh [begitu], Putra---
54. Ohh [begitu]. Kira agak berjaya jugak aa [la] Tuan Sayed ni?
55. Tapi pada zaman tu dah kira baik an [kan]?

56. Okay. Alhamdulillah Tuan Sayed.
57. Okay jadi, apakah peranan Tuan Sayed ketika di waktu persekolahan?
58. Ohh [begitu]. Jadi bagaimana dengan lutut Tuan Sayed sekarang?
59. Ohh [begitu[. Sabar Tuan Sayed eh [ya].
60. Jadi dalam bidang apakah Tuan Sayed suka untuk belajar?
61. Tapi Tuan Sayed ambik [ambil] bahagian sains eh [ya]?
62. Ohhh [begitu]---
63. Begitu ee [ya].

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: SEJARAH KERJAYA**

64. Ok, Tuan Sayed, seterusnya berkaitan dengan sejarah kerjaya Tuan Sayed? Soalan pertama, apakah pekerjaan awal Tuan Sayed setelah tamat pengajian?
65. Oo [begitu], begitu pekerjaan awal Tuan Sayed. Ok, seterusnya?
66. Berkenaan dengan pekerjaan pertama Tuan Sayed banci?
67. Mengapa Tuan Sayed berminat untuk menceburi bidang tersebut sebagai pekerjaan awal Tuan Sayed?
68. Tuan Sayed tokoh dalam SPRM eh [ya]? Dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Jadi boleh saya tahu, boleh Tuan Sayed terangkan mengenai SPRM itu, apa itu SPRM?
69. Dia, peranan SPRM ni?
70. Ohh kira SPRM ni berperanan untuk mencegah rasuah di Malaysia ini ee [ya]. Okay, seterusnya. Mengapakah Tuan Sayed memilih kerjaya sebagai penyiasat SPRM?
71. Jadi Tuan Sayed punya apa---
72. Aa [ya], jawatan Tuan Sayed?
73. Oo [begitu], tapi sebelum Tuan Sayed bersara, jawatan terakir Tuan Sayed sebagai pegawai penguasa? Macam mana---
74. Penolong---
75. Penolong Penguasa---
76. Okay, jadi dimanakah pejabat tuan berkerja dahulu?
77. Ok seterusnya, apakah peranan ketua penolong kanan penguasa dalam, ia, Tuan Sayed punya jawatan, apakah dia punya peranan?

78. Ohh [begitu], begitu Tuan Sayed eh [ya]. Okay, jadi seterusnya, apakah cabaran utama Tuan Sayed dalam menjalankan tugas-tugas sebagai penyiasat, ketua penyiasat SPRM?
79. Maafkan saya Tuan Sayed. Jadi---
80. Okay Tuan Sayed, okay---
81. Ohhh [begitu]. Begitu Tuan Sayed ya---
82. Kumpulan B---
83. Sikit je.
84. Ape,Permulaan?
85. Nampak---
86. Ohhh [begitu].
87. Cukup hebat Tuan Sayed ea [ya].
88. Jadi, bagaimanakah SPRM menguruskan pesalah-pesalah yang menerima ataupun memberi rasuah.
89. Aa [begitu]---
90. Ohh [begitu]--
91. Sulit ya---
92. Nampak, nampak---
93. Kira cukup teliti Tuan Sayed dia punya prosedur.
94. Kira bukan senang-senang dia nak tangkap?
95. Keadilan ek [ya].
96. Oo [begitu]. Jadi ia boleh dapat mengelakkan daripada mana-mana orang yang tak bersalah teraniaya, ya?
97. Okay, jadi sekarang Tuan Sayed dah bersara ee [ya]?
98. Apakah perasaan Tuan Sayed ketika mula bersara?
99. Adakah Tuan Sayed bahagia ataupun sedih kerana meninggalkan pekerjaan...?
100. Oo [begitu].
101. Terkilan?
102. Haa [ya], ya, Tuan Sayed?
103. Ohh [begitu], begitu Sayed.
104. Oo [begitu]---
105. Jadi cukup Islamik jugak aa [la] Tuan Sayed ni? Cukup alim la [la]?
106. Oo [begitu]---
107. Setuju, Tuan---
108. Eh, tak Tuan---
109. Pilihan Tuan dah okay .

110. Aa [ya]. Okay, seterusnya, adakah Tuan Sayed masih merindui kerjaya Tuan sebagai penyiasat SPRM suatu ketika dahulu?
111. Jadi, hakikatnya Tuan Sayed masih lagi SPRM, jadi masih lagi berperanan dalam membangunkan, membantu SPRM dalam, ye, dalam terus lebih maju?
112. Aa [begitu].

**TAMAT BAHAGIAN 3**

## BAHAGIAN 4: PENGALAMAN & KENANGAN

113. Syabas Tuan Sayed. Okay, seterusnya kita masuk tentang pengalaman, kenangan pahit dan manis Tuan Sayed. Bolehkah Tuan Sayed ceritakan serba sedikit mengenai pengalaman pahit dan manis Tuan Sayed ketika belajar dahulu?
114. Aa [ya]. Ketika menjadi pelajar dahulu.
115. Sabar Tuan Sayed eh [ya].
116. Tapi, semua tu dah berlalu.
117. Okay, jadi bagaimana pula dengan pengalaman pahit dan manis Tuan Sayed dalam SPRM? Ade ke?
118. Jadi, apa yang manisnya dalam SPRM ni?
119. Aa [ya]. Ya, Tuan Sayed.
120. Ha, ha, ha (ketawa).
121. Setuju.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN & KEJAYAAN

122. Tua-tua pon kelakar Tuan Sayed ee [ya]. Ha, ha, ha (ketawa). Okay seterusnya Tuan Sayed, kita masuk topic yang lebih hangat. Okay. Mengenai pencapaian dan kejayaan Tuan Sayed. Bilakah Tuan Sayed berjaya mendapat, dapat penganugerahan sebagai Ahli Mangku Negara A.M.N.?
123. Bilakah?
124. Syabas Tuan Sayed. Okay, seterusnya, adakah penganugerahan lain yang TuanSayed telah terima selain daripada A.M.N.?

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: SUMBANGAN

125. Okay Tuan Sayed, tahniah atas segalanya Tuan Sayed. Okay seterusnya mengenai sumbangan. Apakah sumbangan Tuan Sayed kepada SPRM?
126. Oh [begitu], gitu [begitu] Tuan Sayed---
127. Faham, Tuan Sayed.
128. Okay, jadi seterusnya, bagaimana pula dengan sumbangan Tuan kepada kerajaan negeri Terengganu ni? Mengenai mungkin dalam rasuah, membantras ataupun ape ke?
129. Oo [begitu].
130. Cukup hebat Tuan Sayed ek [ya]. Jadi seterusnya, bagaimana sumbangan Tuan Sayed kepada rakyat Terengganu mungkin dari segi dalam konteks Rasuah ke, aspek Rasuah atau pon apa?
131. Ya, Tuan Sayed.
132. Ya, Tuan Sayed.
133. Begitu Tuan Sayed ek [ya]?
134. Oo [begitu], Kira diorang ni---
135. Ohh [begitu].
136. Nampak Tuan Sayed.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## BAHAGIAN 7: PENDAPAT

137. Saya cukup kagum dengan Tuan Sayed ee [ya]. Ha, ha, ha (ketawa). Okay. Seterusnya, tentang pendapat Tuan Sayed. Pendapat Tuan Sayed, apakah perbezaan cara pendidikan pada zaman Tuan dengan pendidikan pada masa kini secara ringkas pun takpe [tidak mengapa] Tuan Sayed?
138. Nampak, Tuan.
139. Begitu Tuan Sayed ee [ya]?
140. Okay. Seterusnya, siapakah orang yang banyak mempengaruhi personaiti dan peribadi Tuan Sayed?
141. Begitu aa [ya] Tuan Sayed. Jadi, bolehkah Tuan Sayed ceritakan mengenai falsafah hidup Tuan Sayed? Mungkin pegangan Tuan Sayed?
142. Memang patut pun Tuan Sayed. Okay, bagaimana pula dengan rahsia kecemerlangan Tuan Sayed?
143. Begitu Tuan Sayed ya. Okay seterusnya , siapakah yang menjadi pendorong supaya Tuan Sayed terus berjaya? Ayah Tuan Sayed ke ataupun ia ooo pegawai-pegawai yang sebelum ni yang Tuan Sayed cakap?
144. Suriani ee [ya], Suriani?

145. Suriani, Tuan Sayed ee [ya].
146. Oo [begitu]. Okay, jadi, siapakah pemimpin Malaysia yang Tuan Sayed kagumi ? Najib Tun Razak ataupun apa Tuan Sayed?
147. Mahathir ya?
148. Ohh [begitu] ya, Tuan Sayed.
149. Cukup confident [yakin] Tuan Sayed ee [ya]?
150. Persada dunia, Tuan Sayed?
151. Jadi, bagaimana cara Tuan Sayed menguruskan dan menyeimbangkan masa Tuan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penyiasat?
152. Aa [ya]! Pegawai Penguasa maksud saya.
153. Aa [ya], siasatan Tuan Sayed.
154. Jadi, Tuan Sayed ketua keluarga yang baik?

**TAMAT BAHAGIAN 7**

**BAHAGIAN 8: DISIPLIN & TANGGUNGJAWAB**

155. Ha, ha, ha (ketawa). Okay Tuan Sayed. Okay jadi berkenaaan dengan disiplin dan tanggungjawab Tuan Sayed, adakah Tuan Sayed bangun awal kebiasaannya?
156. Cukup bagus aa [ya] isteri Tuan Sayed. Okay, okay. Adakah Tuan selalu tidur awal kebiasaannya?
157. Jadi, adakah Tuan Sayed selalu datang awal ke tempat kerja tepat pada masanya?
158. Gitu [begitu] Tuan Sayed ee [ya]. Jadi seterusnya, bagaimanakah Tuan Sayed memastikan agar segala kerja yang Tuan Sayed jalankan berjalan dengan lancar?
159. Cukup cekap aa [ya]Tuan Sayed. Okay, jadi seterusnya, adakah Tuan Sayed sentiasa menjaga kebersihan di tempat kerja?
160. Bersih Tuan Sayed ee [ya]. Okay, bagaimanakah Tuan Sayed menguruskan kewangan Tuan Sayed?
161. Ok Tuan Sayed aa [ya]. Jadi, adakah Tuan Sayed selalu bersenam?
162. Bersetuju, Tuan Sayed. Betul, betul tu Tuan Sayed. Saya pun fikir macam tu Tuan Sayed. Jadi seterusnya, adakah Tuan Sayed sentiasa menjaga pemakanan Tuan Sayed?
163. Cukup baik Tuan Sayed ee [ya]. Okay, bagaimanakah Tuan Sayed mendidik anak-anak Tuan Sayed agar menjadi insan yang berguna pada bangsa dan negara Tuan Sayed?

164. Tahniah Tuan Sayed ee [ya]. Jadi, bagaimanakah Tuan Sayed meluangkan masa dengan anak-anak?
165. Oo [begitu], begitu Tuan Sayed ya. Maafkan saya sebab saya terlupa---

**TAMAT BAHAGIAN 8**

## BAHAGIAN 9: HARAPAN MASA DEPAN

166. Okay, kita okey. Saya akan Tanya soalan mengenai harapan masa depan. Ini adalah soalan terakhir, Tuan Sayed ye. Bab terakhir Tuan Sayed. Ok jadi, apakah harapan utama Tuan Sayed kepada SPRM pada masa yang akan datang?
167. Gitu [begitu] Tuan Sayed ee [ya].
168. Begitu Tuan Sayed.
169. Saya pun fikir begitu macam tu, Tuan Sayed. Okay, jadi soalan kedua tentang harapan masa depan Tuan Sayed, apakah harapan Tuan terhadap masyarakat dan rakyat Malaysia. Ya, mungkin dalam aspek rasuah ni?
170. Betul Tuan Sayed.
171. Okay Tuan Sayed, soalan terakhir Tuan Sayed ee [ya], apakah harapan Tuan kepada diri Tuan sendiri pada masa yang akan datang?
172. Soalan terakhir Tuan Sayed.
173. Ya, Tuan Sayed.
174. Cukup dalam maksudnya ya, Tuan Sayed.
175. Okay, Tuan Sayed, saya rasa kira saya boleh beredar sekarang ni. Terima kasih Tuan Sayed kerana segalanya.
176. Assalamua'laikum Tuan Sayed ya.

# GAMBAR



Gambar 1: Darjah Ahli Mangku Negara (A.M.N.)

# SIJIL



Yang di-Pertuan Agong

Dengan Nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Mengasihani

Segala puji-pujian bagi Allah yang telah menjadikan tujuh petala langit dan bumi dan yang telah mewujudkan gelap-gulita dan terang-benderang, dan Allah jua yang telah menciptakan bagi kamu bintang-bintang supaya kamu jadikannya panduan di dalam kegelapan daratan dan lautan, sesungguhnya Kami telah menghuraikan akan tanda-tanda Kebesaran Kami itu bagi umat-umat yang mengetahui.

Alwathiqu Billah Beta Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Turus bagi

Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara

Barang Diketahui Kiranya

Bahawasanya oleh menyenangkan taat setia dan bakti jasa kepada Beta dan Negara, maka Beta telah dapati layak dan sesuai dianugerahkan kepada:

**Tuan Sayed Milam bin Sayed Hashim**

Darjah yang Kelima daripada Darjah Kebesaran Yang Mulia Pangkuan Negara iaitu Ahli Mangku Negara (A.M.N.). Oleh yang demikian Beta telah memilih dan melantikkan dia menjadi seorang Ahli daripada Darjah Kebesaran yang tersebut.

Dikurniakan di Istana Negara, Kuala Lumpur, di bawah tapak tangan Beta dan Cap Mohor Darjah pada 6 haribulan Jamadilawal tahun 1427 Hijriah bersamaan dengan 3 haribulan Jun tahun 2006 Miladiyah.

Menteri Darjah — Pendaftar Darjah

Gambar 2: Sijil Darjah Ahli Mangku Negara (A.M.N.)

# SURAT PERJANJIAN

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

## PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yanq telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan denqan ....Sayed Muslam bin Sayed Hashim........................
Pada ...7/6/2015...............................

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/~~tidak~~ perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / ~~dengan syarat.~~ -

   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .................. (tarikh). Dipersetujui pada ...................... oleh kedua pihak yang berkenaan.

*Pengkisah (interviewee)*

*Ketua Pusat Pengajian*
*Fakulti Pengurusan Maklumat*
*Universiti Teknologi MARA Kelantan*

# INDEKS


## A

A.M.N., V, 20, 21, 34, 40, 44, 45
Ahlul Bait, 3, 36
Alam Shah, V, 7, 19, 33
Alhamdulillahlah, 25

## B

Biro Siasatan Negara, V, 9, 10, 12
**BPR**, Iii, 1, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 18, 22, 23, 29, 33

## C

Cahaya Mata, V
*Contradict*, 19

## D

*Darjah Ahli Mangku Negara*, Iii, V, 44, 45
Dungun, 4

## E

*Engineer*, 5, 37

## I

Inggeris, 19, 24
Insyaallah, 8, 19, 25, 32
Islam, 17

## J

Jabatan Laut, 2

## K

Kelapa Muda, 6
*Ketua Unit Risik*, Iii
Kuala Ibai, Iv, V, 2, 6, 33
Kuala Terengganu, Iii, Iv, V, 1, 2, 5, 6, 12, 33

## M

*Malay*, 19
Malaysia, V, 7, 8, 10, 24, 25, 31, 33, 38, 41, 43
Melayu, 19, 24, 26

## N

Ngah Binti Ismail, 2

## O

*Out-station*, 17

## P

Padang Midin, v, 7, 33
pembanci, v, 9, 10
Penguasa, iii, iv, v, 11, 12, 13, 26, 33, 38, 42
penyiasat, iii, v, 10, 13, 18, 26, 33, 38, 39, 42
Puncak Alam, 5

## R

rasuah, iii, v, vi, 10, 11, 14, 15, 16, 18, 21, 22, 24, 30, 31, 38, 39, 40, 43
RISDA, v, 9, 10, 33

## S

sains, 8, 9, 19, 38
Sains Perniagaan Tani, v, 7, 9
Sayed Hussien, 2
Sayed Milam Bin Sayed Hashim, i, iii, iv, v, 1, 33
Silat, 29
singgang, 6
SPM, 7, 9, 11
**SPRM**, 1, 2, iii, iv, v, 1, 10, 12, 13, 14, 16, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 28, 30, 31, 33, 34, 38, 39, 40, 42
SRP, 7
Suriani Binti Din, iv, v, 4
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, iii, v, 1, 10, 26, 33, 38

## T

Teluk Anson, 2, 7
Terengganu, iv, 4, 6, 10, 12, 21, 22, 33, 34, 36, 40, 41

## U

Uitm, 5
Universiti Putra, 7

## W

Waa'laikumussalam, 1
Wawancara, ii, v